



JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
NEGERI SELANGOR

LAPORAN INTERIM NEGERI



SELANGOR





LAPORAN INTERIM BANCI

PERTANIAN 2024

NEGERI SELANGOR

Pemakluman

Kepengerusian ASEAN-Malaysia 2025: Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) akan mempengerusikan Jawatankuasa Sistem Statistik Komuniti ASEAN Ke-15 (ACSS15) yang bertujuan untuk memperkuuh kerjasama statistik ke arah pembangunan serantau yang mampam.

Malaysia buat julung kalinya telah menduduki tangga pertama (1) di peringkat global dalam laporan dwi-tahunan Open Data Inventory (ODIN) 2024/25 yang dikeluarkan oleh Open Data Watch (ODW), mengatasi 198 negara lain. Pencapaian ini merupakan lonjakan ketara daripada kedudukan ke-67 dalam penilaian ODIN 2022/23.

Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan 20 Oktober sebagai Hari Statistik Negara (MyStats Day), dengan tema 'Statistik Nadi Kehidupan'. Sementara itu, Hari Statistik Dunia Keempat akan disambut pada 20 Oktober 2025 dengan tema 'Driving Change with Quality Statistics and Data for Everyone'.

OpenDOSM NextGen adalah medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.

Diterbitkan dan dicetak oleh:
Jabatan Perangkaan Malaysia
Blok C6 & C7, Kompleks C,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62514 Putrajaya,
MALAYSIA

Tel. : 03-8885 7000
Faks : 03-8888 9248
Portal : <https://www.dosm.gov.my>
Facebook/ Twitter/ Instagram/ Youtube : StatsMalaysia
Emel : info@dosm.gov.my
(pertanyaan umum / general enquiries)
data@dosm.gov.my (pertanyaan &
permintaan data / data request &
enquiries)

Harga : RM100.00

Diterbitkan pada Julai 2025

Hakcipta terpelihara

Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukar dalam apa-apa bentuk atau alat apa jua pun kecuali setelah mendapat kebenaran daripada Jabatan Perangkaan Malaysia. Pengguna yang mengeluarkan sebarang maklumat dari terbitan ini sama ada yang asal atau diolah semula hendaklah meletakkan kenyataan berikut:

“Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia”

ISBN978-967-253-897-4

Laporan Interim Banci Pertanian 2024 Negeri Selangor membentangkan parameter pertanian di Negeri Selangor bagi tahun rujukan 2023. Penerbitan ini mengandungi maklumat profil pegangan pertanian meliputi individu dan pertubuhan serta penemuan parameter banci bagi sektor pertanian di Selangor.

Penyusunan parameter ini merujuk kepada manual *World Programme for the Census of Agriculture* (2020 bagi tempoh 2016 hingga 2025 yang menyarankan negara supaya melaksanakan Banci Pertanian sekurang-kurangnya sekali dalam tempoh sepuluh tahun. Malaysia merupakan antara negara yang melaksanakan Banci Pertanian pada tahun 2024 bagi tahun rujukan 2023.

Dalam menghasilkan profil dan parameter pertanian melalui pelaksanaan Banci Pertanian 2024, kerjasama strategik antara Jabatan Perangkaan Malaysia (dengan pemegang taruh iaitu Kementerian Pertanian Keterjaminan Makanan, Kementerian Perladangan Komoditi, Kementerian Sumber Asli Kelestarian Alam dan Kerajaan Negeri telah terjalin erat bagi menjamin integriti data.

Penerbitan ini memaparkan ringkasan penemuan keseluruhan pengeluaran pertanian dan jadual parameter terperinci merangkumi keluasan bertanam, keluasan berhasil, kuantiti pengeluaran, kuantiti jualan dan nilai jualan. Nota teknikal pula menerangkan konsep definisi dan kata singkatan bagi memudahkan pengguna memahami parameter yang diterbitkan.

Semoga parameter dalam penerbitan ini dapat dimanfaatkan oleh agensi kerajaan untuk tujuan perancangan dan penggubalan dasar, pemantauan serta penilaian keberkesanan program pembangunan pertanian negara. Sementara itu, ahli ekonomi, ahli akademik dan individu boleh menggunakan parameter ini dalam analisis serta penyelidikan sosial dan ekonomi.

DOSM merakamkan setinggi tinggi penghargaan di atas kerjasama yang diberikan oleh semua pihak yang telah menyumbang secara langsung atau tidak langsung dalam merealisasikan penerbitan ini. Setiap maklum balas dan cadangan untuk penambahbaikan penerbitan ini pada masa akan datang amatlah dihargai.

DATO' SRI DR. MOHD UZIR MAHIDIN
Ketua Perangkawan Malaysia
merangkap Pesuruhjaya Banci Pertanian 2024

Julai 2025


Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong



BANCI PERTANIAN 2024

Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong

Banci Pertanian 2024 merupakan banci keempat dilaksanakan sejak penubuhan Malaysia pada tahun 1963. Pelaksanaan banci ini adalah sejajar dengan manual *World Programme for the Census of Agriculture (WCA) 2020* yang menyarankan setiap negara ahli melaksanakan Banci Pertanian sekurang-kurangnya sekali bagi tempoh 2016 hingga 2025. Mesyuarat Jemaah Menteri pada 24 November 2023 telah bersetuju supaya Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) di bawah Kementerian Ekonomi melaksanakan Banci Pertanian 2024. Tadbir urus Banci Pertanian 2024 terdiri daripada Jawatankuasa Pemandu Banci yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Negara dan Jawatankuasa Utama Banci yang dipengerusikan oleh Ketua Perangkawan Malaysia selaku Pesuruhjaya Banci serta melibatkan pelbagai agensi pelaksana di peringkat persekutuan dan negeri iaitu Timbalan Pesuruhjaya, Penolong Pesuruhjaya dan Pengguna Daerah. Selain itu hampir tujuh ribu orang terdiri daripada Penyelia dan Pembanci telah dilantik sepanjang tempoh pelaksanaan banci.



Ahli Jawatankuasa Pemandu Banci


Pengerusi : Ketua Setiausaha Negara

Pengerusi Ganti : Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
Jabatan Perkhidmatan Awam

Ahli:

- Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan
- Ketua Setiausaha Perbendaharaan Kementerian Kewangan
- Ketua Setiausaha Kementerian Perladangan dan Komoditi
- Ketua Setiausaha Kementerian Ekonomi
- Ketua Setiausaha Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan
- Timbalan Ketua Setiausaha Kanan Jabatan Perdana Menteri
- Ketua Setiausaha Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam
- Ketua Setiausaha Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah
- Ketua Pengarah Jabatan Wilayah Persekutuan
- Ketua Perangkawan Malaysia
- Setiausaha Kerajaan Negeri

TADBIR URUS
JAWATANKUASA PELAKSANAAN OPERASI BANCI (JKPOB), SELANGOR



*Pertanian merangkumi Jabatan Pertanian, Jabatan Perkhidmatan Veterinar, Jabatan Perikanan dan Agensi Pertanian Lain

JAWATANKUASA PENGURUSAN OPERASI BANCI

Pengerusi : Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri (Pembangunan)

Ahli : 1. Pengarah Jabatan Pertanian Negeri (DOA)
 2. Pengarah Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri (DVS)
 3. Pengarah Jabatan Perikanan Negeri (DOF)
 4. Pengarah Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia
 5. Pengarah Jabatan Kebajikan Orang Asli (JAKOA)
 6. Pengarah Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) Negeri
 7. Timbalan/ Penolong Pengarah DOSM Negeri

Urus setia : Jabatan Perangkaan Malaysia, Negeri Selangor

Operasi Banci Pertanian 2024 telah bermula pada 7 Julai 2024 dan tamat pada 31 Oktober 2024. Banci ini telah melalui proses transformasi melalui penggunaan ICT yang terkini bagi aktiviti pembancian melalui sistem MyAgriCensus.

Outcome Banci Pertanian 2024 akan memberi tumpuan kepada agenda nasional dan menjadi penanda aras baharu bagi sektor pertanian negara. Maklumat yang berintegriti dan *reliable* digunakan sebagai input dalam membuat keputusan berasaskan bukti untuk perancangan, pelaksanaan, pemantauan dan penilaian *blueprint* pembangunan negara. Satu platform khas iaitu Sistem Integrasi Digital Pangkalan Data Pertanian Bersepadu, TaniStats telah dibangunkan untuk menyediakan data di hujung jari yang dapat memenuhi keperluan pemegang taruh dalam perancangan pembangunan sosio ekonomi. Secara tidak langsung, ia dapat merapatkan jurang digital dalam capaian sumber data yang pelbagai dan kompleks. TaniStats yang mengintegrasikan data pertanian daripada pelbagai sumber dan platform ini akan menyokong pembangunan dasar yang berasaskan data (*data-driven policy*), mempercepat proses analisis trend dan impak. Ia juga membolehkan perancangan yang lebih bersasar dan responsif terhadap isu semasa. Secara keseluruhan, platform ini menyumbang ke arah tadbir urus sektor pertanian yang lebih strategik, telus dan berimpak tinggi. Platform ini menyebarkan maklumat berkaitan penemuan utama Banci Pertanian 2024, serta pelbagai informasi sokongan lain yang relevan. Halaman utama portal TaniStats ini merangkumi:

Penerangan ringkas mengenai maksud dan fungsi utama TaniStats sebagai sistem bersepadu untuk statistik sektor pertanian;

1. Rasional dan keperluan pembangunan sistem ini dalam menyokong perancangan dan pemantauan sektor pertanian negara;
2. Kepentingan sistem ini dalam menyediakan data yang tepat, pantas dan bersepadu untuk pelbagai pihak; dan
3. Peranan TaniStats dalam memperkuuh dasar, memacu pertumbuhan sektor agromakanan, serta menyokong pembangunan mampan negara.

TaniStats juga mengandungi MyAgroPrice iaitu satu platform interaktif yang memaparkan maklumat terkini harga produk pertanian terpilih dengan liputan siri masa secara bulanan dari tahun 2020 hingga 2024. Papan pemuka ini memaparkan perubahan harga di peringkat rantai edaran produk pertanian iaitu harga Ladang, Borong dan Runcit mengikut negeri. MyAgroPrice merupakan inovasi yang memberikan maklumat paras dan perubahan harga produk pertanian terpilih yang boleh dimanfaatkan oleh pengguna bagi keputusan kepenggunaan.

Keberhasilan utama banci ini juga adalah berkaitan pengukuhan statistik pertanian. Banci Pertanian kini akan dilaksanakan setiap 10 tahun secara berkala bagi memastikan Keberhasilan utama banci ini juga adalah berkaitan pengukuhan statistik pertanian. Banci Pertanian kini akan dilaksanakan setiap 10 tahun secara berkala bagi memastikan ketersediaan data baseline yang kemaskini, selari dengan keperluan semasa dan cabaran masa hadapan. Bagi memperkuuhkan ketersediaan data pertanian, survei pertanian jangka pendek akan dilaksanakan secara berkala mulai 2026.

Selain itu, penerbitan Indikator Keterjaminan Makanan secara tahunan, Indeks Pengeluaran Pertanian secara suku tahunan dan Indeks Keterjaminan Makanan akan diterbitkan bagi sumber rujukan dalam merangka hala tuju sektor pertanian negara.

Muka Surat	
Kata Pengantar	iii
Banci Pertanian 2024	vii
Senarai Jadual	xiii
Ringkasan Penemuan	10
Jadual Statistik	109
Nota Teknikal	321
Penghargaan	363
Lampiran	369

Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong

Jadual	Senarai jadual	Muka surat
Pegangan Pertanian		
1.0	Pegangan Pertanian mengikut Negeri, Malaysia, 2023	109
1.1	Pegangan Pertanian mengikut Daerah Pentadbiran, Selangor, 2023	110
Pegangan Pertanian, Subsektor		
2.0	Pegangan Pertanian mengikut Subsektor, Malaysia, 2023	111
2.1	Pegangan Pertanian mengikut Subsektor, Selangor, 2023	112
2.2	Pegangan Pertanian Individu mengikut Subsektor dan Kewarganegaraan, Selangor, 2023	113
2.3	Pegangan Pertanian Individu mengikut Subsektor dan Jantina, Selangor, 2023	114
2.4	Pegangan Pertanian Individu mengikut Subsektor dan Kumpulan Umur, Selangor, 2023	115
2.5	Pegangan Pertanian Individu mengikut Subsektor dan Kumpulan Etnik, Selangor, 2023	116
2.6	Pegangan Pertanian Individu mengikut Subsektor dan Taraf Perkahwinan, Malaysia, 2023	117
2.7	Pegangan Pertanian Individu mengikut Subsektor dan Sijil Tertinggi Diperoleh, Selangor, 2023	118
Pegangan Pertanian Tanaman		
3.0	Pegangan Pertanian bagi Subsektor Tanaman mengikut Daerah Pentadbiran, Selangor, 2023	120
3.1	Pegangan Pertanian Individu bagi Subsektor Tanaman mengikut Daerah Pentadbiran dan Kewarganegaraan, Selangor, 2023	121
3.2	Pegangan Pertanian Individu bagi Subsektor Tanaman mengikut Daerah Pentadbiran dan Jantina, Selangor, 2023	122
3.3	Pegangan Pertanian Individu bagi Subsektor Tanaman mengikut Daerah Pentadbiran dan Kumpulan Umur, Selangor, 2023	123
3.4	Pegangan Pertanian Individu bagi Subsektor Tanaman mengikut Daerah Pentadbiran dan Kumpulan Etnik, Selangor, 2023	124
3.5	Pegangan Pertanian Individu bagi Subsektor Tanaman mengikut Daerah Pentadbiran dan Taraf Perkahwinan, Selangor, 2023	125
3.6	Pegangan Pertanian Individu bagi Subsektor Tanaman mengikut Daerah Pentadbiran dan Sijil Tertinggi Diperoleh, Selangor, 2023	126

Jadual	Senarai jadual	Muka surat
Pegangan Pertanian Ternakan		
4.0	Pegangan Pertanian bagi Subsektor Ternakan mengikut Daerah Pentadbiran, Selangor, 2023	129
4.1	Pegangan Pertanian Individu bagi Subsektor Ternakan mengikut Daerah Pentadbiran dan Kewarganegaraan, Selangor, 2023	130
4.2	Pegangan Pertanian Individu bagi Subsektor Ternakan mengikut Daerah Pentadbiran dan Jantina, Selangor, 2023	131
4.3	Pegangan Pertanian Individu bagi Subsektor Ternakan mengikut Daerah Pentadbiran dan Kumpulan Umur, Selangor, 2023	132
4.4	Pegangan Pertanian Individu bagi Subsektor Ternakan mengikut Daerah Pentadbiran dan Kumpulan Etnik, Selangor, 2023	133
4.5	Pegangan Pertanian Individu bagi Subsektor Ternakan mengikut Daerah Pentadbiran dan Taraf Perkahwinan, Selangor, 2023	134
4.6	Pegangan Pertanian Individu bagi Subsektor Ternakan mengikut Daerah Pentadbiran dan Sijil Tertinggi Diperoleh, Selangor, 2023	135
Pegangan Pertanian Perikanan		
5.0	Pegangan Pertanian bagi Subsektor Perikanan mengikut Daerah Pentadbiran, Selangor, 2023	138
5.1	Pegangan Pertanian Individu bagi Subsektor Perikanan mengikut Daerah Pentadbiran dan Kewarganegaraan, Selangor, 2023	139
5.2	Pegangan Pertanian Individu bagi Subsektor Perikanan mengikut Daerah Pentadbiran dan Jantina, Selangor, 2023	140
5.3	Pegangan Pertanian Individu bagi Subsektor Perikanan mengikut Daerah Pentadbiran dan Kumpulan Umur, Selangor, 2023	141
5.4	Pegangan Pertanian Individu bagi Subsektor Perikanan mengikut Daerah Pentadbiran dan Kumpulan Etnik, Selangor, 2023	142
5.5	Pegangan Pertanian Individu bagi Subsektor Perikanan mengikut Daerah Pentadbiran dan Taraf Perkahwinan, Selangor, 2023	143
5.6	Pegangan Pertanian Individu bagi Subsektor Perikanan mengikut Daerah Pentadbiran dan Sijil Tertinggi Diperoleh, Selangor, 2023	144

Jadual	Senarai jadual	Muka surat
Pegangan Perikanan Tangkapan		
6.0	Pegangan Pertanian bagi Aktiviti Perikanan Tangkapan mengikut Daerah Pentadbiran, Selangor, 2023	147
6.1	Pegangan Pertanian Individu bagi Subsektor Perikanan Tangkapan mengikut Daerah Pentadbiran dan Kewarganegaraan, Selangor, 2023	148
6.2	Pegangan Pertanian Individu bagi Aktiviti Perikanan Tangkapan mengikut Daerah Pentadbiran dan Jantina, Selangor, 2023	149
6.3	Pegangan Pertanian Individu bagi Aktiviti Perikanan Tangkapan mengikut Daerah Pentadbiran dan Kumpulan Umur, Selangor, 2023	150
6.4	Pegangan Pertanian Individu bagi Aktiviti Perikanan Tangkapan mengikut Daerah Pentadbiran dan Kumpulan Etnik, Selangor, 2023	151
6.5	Pegangan Pertanian Individu bagi Aktiviti Perikanan Tangkapan mengikut Daerah Pentadbiran dan Taraf Perkahwinan, Selangor, 2023	152
6.6	Pegangan Pertanian Individu bagi Aktiviti Perikanan Tangkapan mengikut Daerah Pentadbiran dan Sijil Tertinggi Diperoleh, Selangor, 2023	153
Pegangan Akuakultur		
7.0	Pegangan Pertanian bagi Subsektor Akuakultur mengikut Daerah Pentadbiran, Selangor, 2023	156
7.1	Pegangan Pertanian Individu bagi Aktiviti Akuakultur mengikut Daerah Pentadbiran dan Kewarganegaraan, Selangor, 2023	157
7.2	Pegangan Pertanian Individu bagi Aktiviti Akuakultur mengikut Daerah Pentadbiran dan Jantina, Selangor, 2023	158
7.3	Pegangan Pertanian Individu bagi Aktiviti Akuakultur mengikut Daerah Pentadbiran dan Kumpulan Umur, Selangor, 2023	159
7.4	Pegangan Pertanian Individu bagi Aktiviti Akuakultur mengikut Daerah Pentadbiran dan Kumpulan Etnik, Selangor, 2023	160
7.5	Pegangan Pertanian Individu bagi Aktiviti Akuakultur mengikut Daerah Pentadbiran dan Taraf Perkahwinan, Selangor, 2023	161
7.6	Pegangan Pertanian Individu bagi Aktiviti Akuakultur mengikut Daerah Pentadbiran dan Sijil Tertinggi Diperoleh, Selangor, 2023	162

Jadual	Senarai jadual	Muka surat
Pegangan Pertanian Perhutanan & Pembalakan		
8.0	Pegangan Pertanian bagi Subsektor Perhutanan & Pembalakan mengikut Daerah Pentadbiran, Selangor, 2023	165
8.1	Pegangan Pertanian Individu bagi Subsektor Perhutanan & Pembalakan mengikut Daerah Pentadbiran dan Kewarganegaraan, Selangor, 2023	166
8.2	Pegangan Pertanian Individu bagi Subsektor Perhutanan & Pembalakan mengikut Daerah Pentadbiran dan Jantina, Selangor, 2023	167
8.3	Pegangan Pertanian Individu bagi Subsektor Perhutanan & Pembalakan mengikut Daerah Pentadbiran dan Kumpulan Umur, Selangor, 2023	168
8.4	Pegangan Pertanian Individu bagi Subsektor Perhutanan & Pembalakan mengikut Daerah Pentadbiran dan Kumpulan Etnik, Selangor, 2023	169
8.5	Pegangan Pertanian Individu bagi Subsektor Perhutanan & Pembalakan mengikut Daerah Pentadbiran dan Taraf Perkahwinan, Selangor, 2023	170
8.6	Pegangan Pertanian Individu bagi Subsektor Perhutanan & Pembalakan mengikut Daerah Pentadbiran dan Sijil Tertinggi Diperoleh, Selangor, 2023	171
Pegangan Pertanian Kelapa Sawit		
9.0	Pegangan Pertanian bagi Tanaman Kelapa Sawit mengikut Negeri, Malaysia, 2023	174
9.1	Pegangan Pertanian bagi Tanaman Kelapa Sawit mengikut Daerah Pentadbiran, Selangor, 2023	175
9.1.1	Pegangan Pertanian Individu bagi Tanaman Kelapa Sawit mengikut Daerah Pentadbiran dan Kewarganegaraan, 2023	176
9.1.2	Pegangan Pertanian Individu bagi Tanaman Kelapa Sawit mengikut Daerah Pentadbiran dan Jantina, Selangor, 2023	177
9.1.3	Pegangan Pertanian Individu bagi Tanaman Kelapa Sawit mengikut Daerah Pentadbiran dan Kumpulan Umur, Selangor, 2023	178
9.1.4	Pegangan Pertanian Individu bagi Tanaman Kelapa Sawit mengikut Daerah Pentadbiran dan Kumpulan Etnik, Selangor, 2023	179
9.1.5	Pegangan Pertanian Individu bagi Tanaman Kelapa Sawit mengikut Daerah Pentadbiran dan Taraf Perkahwinan, Selangor, 2023	180

Jadual	Senarai jadual	Muka surat
9.1.6	Pegangan Pertanian Individu bagi Tanaman Kelapa Sawit mengikut Daerah Pentadbiran dan Sijil Tertinggi Diperoleh, Selangor, 2023	181
Pegangan Pertanian Getah		
10.0	Pegangan Pertanian bagi Tanaman Getah mengikut Negeri, Malaysia, 2023	184
10.1	Pegangan Pertanian bagi Tanaman Getah mengikut Daerah Pentadbiran, Selangor, 2023	185
10.1.1	Pegangan Pertanian Individu bagi Tanaman Getah mengikut Daerah Pentadbiran dan Kewarganegaraan, Selangor, 2023	186
10.1.2	Pegangan Pertanian Individu bagi Tanaman Getah mengikut Daerah Pentadbiran dan Jantina, Selangor, 2023	187
10.1.3	Pegangan Pertanian Individu bagi Tanaman Getah mengikut Daerah Pentadbiran dan Kumpulan Umur, Selangor, 2023	188
10.1.4	Pegangan Pertanian Individu bagi Tanaman Getah mengikut Daerah Pentadbiran dan Kumpulan Etnik, Selangor, 2023	189
10.1.5	Pegangan Pertanian Individu bagi Tanaman Getah mengikut Daerah Pentadbiran dan Taraf Perkahwinan, Selangor, 2023	190
10.1.6	Pegangan Pertanian Individu bagi Tanaman Getah mengikut Daerah Pentadbiran dan Sijil Tertinggi Diperoleh, Selangor, 2023	191
Pegangan Pertanian Padi		
11.0	Pegangan Pertanian bagi Tanaman Padi mengikut Negeri, Malaysia, 2023	194
11.1	Pegangan Pertanian bagi Tanaman Padi mengikut Daerah Pentadbiran, Selangor, 2023	195
11.1.1	Pegangan Pertanian Individu bagi Tanaman Padi mengikut Daerah Pentadbiran dan Kewarganegaraan, Selangor,	196
11.1.2	Pegangan Pertanian Individu bagi Tanaman Padi mengikut Daerah Pentadbiran dan Jantina, Selangor, 2023	197
11.1.3	Pegangan Pertanian Individu bagi Tanaman Padi mengikut Daerah Pentadbiran dan Kumpulan Umur, Selangor, 2023	198
11.1.4	Pegangan Pertanian Individu bagi Tanaman Padi mengikut Daerah Pentadbiran dan Kumpulan Etnik, Selangor, 2023	199
11.1.5	Pegangan Pertanian Individu bagi Tanaman Padi mengikut Daerah Pentadbiran dan Taraf Perkahwinan, Selangor, 2023	200
11.1.6	Pegangan Pertanian Individu bagi Tanaman Padi mengikut Daerah Pentadbiran dan Sijil Tertinggi Diperoleh, Selangor, 2023	201

Jadual	Senarai jadual	Muka surat
Pegangan Pertanian Nanas		
12.0	Pegangan Pertanian bagi Tanaman Nanas mengikut Negeri, Malaysia, 2023	204
12.1	Pegangan Pertanian bagi Tanaman Nanas mengikut Daerah Pentadbiran, Selangor, 2023	205
12.1.1	Pegangan Pertanian Individu bagi Tanaman Nanas mengikut Daerah Pentadbiran dan Kewarganegaraan, Selangor, 2023	206
12.1.2	Pegangan Pertanian Individu bagi Tanaman Nanas mengikut Daerah Pentadbiran dan Jantina, Selangor, 2023	207
12.1.3	Pegangan Pertanian Individu bagi Tanaman Nanas mengikut Daerah Pentadbiran dan Kumpulan Umur, Selangor, 2023	208
12.1.4	Pegangan Pertanian Individu bagi Tanaman Nanas mengikut Daerah Pentadbiran dan Kumpulan Etnik, Selangor, 2023	209
12.1.5	Pegangan Pertanian Individu bagi Tanaman Nanas mengikut Daerah Pentadbiran dan Taraf Perkahwinan, Selangor, 2023	210
12.1.6	Pegangan Pertanian Individu bagi Tanaman Nanas mengikut Daerah Pentadbiran dan Sijil Tertinggi Diperoleh, Selangor, 2023	211
Pegangan Pertanian Lada		
13.0	Pegangan Pertanian bagi Tanaman Lada mengikut Negeri, Malaysia, 2023	214
13.1	Pegangan Pertanian bagi Tanaman Lada mengikut Daerah Pentadbiran, Selangor, 2023	215
13.1.1	Pegangan Pertanian Individu bagi Tanaman Lada mengikut Daerah Pentadbiran dan Kewarganegaraan, Selangor, 2023	216
13.1.2	Pegangan Pertanian Individu bagi Tanaman Lada mengikut Daerah Pentadbiran dan Jantina, Selangor, 2023	217
13.1.3	Pegangan Pertanian Individu bagi Tanaman Lada mengikut Daerah Pentadbiran dan Kumpulan Umur, Selangor, 2023	218
13.1.4	Pegangan Pertanian Individu bagi Tanaman Lada mengikut Daerah Pentadbiran dan Kumpulan Etnik, Selangor, 2023	219
13.1.5	Pegangan Pertanian Individu bagi Tanaman Lada mengikut Daerah Pentadbiran dan Taraf Perkahwinan, Selangor, 2023	220
13.1.6	Pegangan Pertanian Individu bagi Tanaman Lada mengikut Daerah Pentadbiran dan Sijil Tertinggi Diperoleh, Selangor, 2023	221

Jadual	Senarai jadual	Muka surat
Pegangan Pertanian Koko		
14.0	Pegangan Pertanian bagi Tanaman Koko mengikut Negeri, Malaysia, 2023	224
14.1	Pegangan Pertanian bagi Tanaman Koko mengikut Daerah Pentadbiran, Selangor, 2023	225
14.1.1	Pegangan Pertanian Individu bagi Tanaman Koko mengikut Daerah Pentadbiran dan Kewarganegaraan, Selangor, 2023	226
14.1.2	Pegangan Pertanian Individu bagi Tanaman Koko mengikut Daerah Pentadbiran dan Jantina, Selangor, 2023	227
14.1.3	Pegangan Pertanian Individu bagi Tanaman Koko mengikut Daerah Pentadbiran dan Kumpulan Umur, Selangor, 2023	228
14.1.4	Pegangan Pertanian Individu bagi Tanaman Koko mengikut Daerah Pentadbiran dan Kumpulan Etnik, Selangor, 2023	229
14.1.5	Pegangan Pertanian Individu bagi Tanaman Koko mengikut Daerah Pentadbiran dan Taraf Perkahwinan, Selangor, 2023	230
14.1.6	Pegangan Pertanian Individu bagi Tanaman Koko mengikut Daerah Pentadbiran dan Sijil Tertinggi Diperoleh, Selangor, 2023	231
Pegangan Pertanian Buah-buahan		
15.0	Pegangan Pertanian bagi Tanaman Buah-buahan mengikut Negeri, Malaysia, 2023	234
15.1	Pegangan Pertanian bagi Tanaman Buah-buahan mengikut Daerah Pentadbiran, Selangor, 2023	235
15.1.1	Pegangan Pertanian Individu bagi Tanaman Buah-buahan mengikut Daerah Pentadbiran dan Kewarganegaraan, 2023	236
15.1.2	Pegangan Pertanian Individu bagi Tanaman Buah-buahan mengikut Daerah Pentadbiran dan Jantina, Selangor, 2023	237
15.1.3	Pegangan Pertanian Individu bagi Tanaman Buah-buahan mengikut Daerah Pentadbiran dan Kumpulan Umur, Selangor, 2023	238
15.1.4	Pegangan Pertanian Individu bagi Tanaman Buah-buahan mengikut Daerah Pentadbiran dan Kumpulan Etnik, Selangor, 2023	239
15.1.5	Pegangan Pertanian Individu bagi Tanaman Buah-buahan mengikut Daerah Pentadbiran dan Taraf Perkahwinan, Selangor, 2023	240
15.1.6	Pegangan Pertanian Individu bagi Tanaman Buah-buahan mengikut Daerah Pentadbiran dan Sijil Tertinggi Diperoleh, Selangor, 2023	241

Jadual	Senarai jadual	Muka surat
Pegangan Pertanian Sayur-sayuran		
16.0	Pegangan Pertanian bagi Tanaman Sayur-sayuran mengikut Negeri, Malaysia, 2023	244
16.1	Pegangan Pertanian bagi Tanaman Sayur-sayuran mengikut Daerah Pentadbiran, Selangor, 2023	245
16.1.1	Pegangan Pertanian Individu bagi Tanaman Sayur-sayuran mengikut Daerah Pentadbiran dan Kewarganegaraan, Selangor, 2023	246
16.1.2	Pegangan Pertanian Individu bagi Tanaman Sayur-sayuran mengikut Daerah Pentadbiran dan Jantina, Selangor, 2023	247
16.1.3	Pegangan Pertanian Individu bagi Tanaman Sayur-sayuran mengikut Daerah Pentadbiran dan Kumpulan Umur, Selangor, 2023	248
16.1.4	Pegangan Pertanian Individu bagi Tanaman Sayur-sayuran mengikut Daerah Pentadbiran dan Kumpulan Etnik, Selangor, 2023	249
16.1.5	Pegangan Pertanian Individu bagi Tanaman Sayur-sayuran mengikut Daerah Pentadbiran dan Taraf Perkahwinan, Selangor, 2023	250
16.1.6	Pegangan Pertanian Individu bagi Tanaman Sayur-sayuran mengikut Daerah Pentadbiran dan Sijil Tertinggi Diperoleh, Selangor, 2023	251
Pegangan Pertanian Tanaman Lain		
17.0	Pegangan Pertanian bagi Tanaman Lain mengikut Negeri, Malaysia, 2023	254
17.1	Pegangan Pertanian bagi Tanaman Lain mengikut Daerah Pentadbiran, Selangor, 2023	255
17.1.1	Pegangan Pertanian Individu bagi Tanaman Lain mengikut Daerah Pentadbiran dan Kewarganegaraan, Selangor, 2023	256
17.1.2	Pegangan Pertanian Individu bagi Tanaman Lain mengikut Daerah Pentadbiran dan Jantina, Selangor, 2023	257
17.1.3	Pegangan Pertanian Individu bagi Tanaman Lain mengikut Daerah Pentadbiran dan Kumpulan Umur, Selangor, 2023	258
17.1.4	Pegangan Pertanian Individu bagi Tanaman lain mengikut Daerah Pentadbiran dan Kumpulan Etnik, Selangor, 2023	259
17.1.5	Pegangan Pertanian Individu bagi Tanaman Lain mengikut Daerah Pentadbiran dan Taraf Perkahwinan, Selangor, 2023	260
17.1.6	Pegangan Pertanian Individu bagi Tanaman Lain mengikut Daerah Pentadbiran dan Sijil Tertinggi Diperoleh, Selangor, 2023	261

Jadual	Senarai jadual	Muka surat
Parameter Utama Pegangan Pertanian		
18.0	Parameter Utama bagi Pegangan Pertanian mengikut Negeri, Malaysia, 2023	264
18.1	Parameter Utama bagi Pegangan Pertanian mengikut Subsektor, Malaysia, 2023	266
18.2	Parameter Utama bagi Pegangan Pertanian Individu mengikut Subsektor, Malaysia, 2023	268
18.3	Parameter Utama bagi Pegangan Pertanian Pertubuhan mengikut Subsektor, Malaysia, 2023	270
Parameter Utama Pegangan Pertanian, Selangor		
19.0	Parameter Utama bagi Pegangan Pertanian mengikut Daerah Pentadbiran, Selangor, 2023	272
19.1	Parameter Utama bagi Pegangan Pertanian mengikut Subsektor, Selangor, 2023	274
19.2	Parameter Utama bagi Pegangan Pertanian Individu mengikut Subsektor, Selangor, 2023	276
19.3	Parameter Utama bagi Pegangan Pertanian Pertubuhan mengikut Subsektor, Selangor, 2023	278
Parameter Utama Pegangan Pertanian, Gombak		
20.0	Parameter Utama bagi Pegangan Pertanian mengikut Subsektor, Gombak, 2023	280
20.1	Parameter Utama bagi Pegangan Pertanian Individu mengikut Subsektor, Gombak, 2023	281
20.2	Parameter Utama bagi Pegangan Pertanian Pertubuhan mengikut Subsektor, Gombak, 2023	282
Parameter Utama Pegangan Pertanian, Klang		
21.0	Parameter Utama bagi Pegangan Pertanian mengikut Subsektor, Klang, 2023	283
21.1	Parameter Utama bagi Pegangan Pertanian Individu mengikut Subsektor, Klang, 2023	285
21.2	Parameter Utama bagi Pegangan Pertanian Pertubuhan mengikut Subsektor, Klang, 2023	286
Parameter Utama Pegangan Pertanian, Kuala Langat		
22.0	Parameter Utama bagi Pegangan Pertanian mengikut Subsektor, Kuala Langat, 2023	288
22.1	Parameter Utama bagi Pegangan Pertanian Individu mengikut Subsektor, Kuala Langat, 2023	290

Jadual	Senarai jadual	Muka surat
22.2	Parameter Utama bagi Pegangan Pertanian Pertubuhan mengikut Subsektor, Kuala Langat, 2023	292
Parameter Utama Pegangan Pertanian, Kuala Selangor		
23.0	Parameter Utama bagi Pegangan Pertanian mengikut Subsektor, Kuala Selangor, 2023	293
23.1	Parameter Utama bagi Pegangan Pertanian Individu mengikut Subsektor, Kuala Selangor, 2023	295
23.2	Parameter Utama bagi Pegangan Pertanian Pertubuhan mengikut Subsektor, Kuala Selangor, 2023	296
Parameter Utama Pegangan Pertanian, Petaling		
24.0	Parameter Utama bagi Pegangan Pertanian mengikut Subsektor, Petaling, 2023	298
24.1	Parameter Utama bagi Pegangan Pertanian Individu mengikut Subsektor, Petaling, 2023	299
24.2	Parameter Utama bagi Pegangan Pertanian Pertubuhan mengikut Subsektor, Petaling, 2023	300
Parameter Utama Pegangan Pertanian, Sabak Bernam		
25.0	Parameter Utama bagi Pegangan Pertanian mengikut Subsektor, Sabak Bernam, 2023	301
25.1	Parameter Utama bagi Pegangan Pertanian Individu mengikut Subsektor, Sabak Bernam, 2023	303
25.2	Parameter Utama bagi Pegangan Pertanian Pertubuhan mengikut Subsektor, Sabak Bernam, 2023	304
Parameter Utama Pegangan Pertanian, Sepang		
26.0	Parameter Utama bagi Pegangan Pertanian mengikut Subsektor, Sepang, 2023	305
26.1	Parameter Utama bagi Pegangan Pertanian Individu mengikut Subsektor, Sepang, 2023	306
26.2	Parameter Utama bagi Pegangan Pertanian Pertubuhan mengikut Subsektor, Sepang, 2023	307
Parameter Utama Pegangan Pertanian, Hulu Langat		
27.0	Parameter Utama bagi Pegangan Pertanian mengikut Subsektor, Hulu Langat, 2023	308
27.1	Parameter Utama bagi Pegangan Pertanian Individu mengikut Subsektor, Hulu Langat, 2023	310
27.2	Parameter Utama bagi Pegangan Pertanian Pertubuhan mengikut Subsektor, Hulu Langat, 2023	312

Jadual	Senarai jadual	Muka surat
Parameter Utama Pegangan Pertanian, Hulu Selangor		
28.0	Parameter Utama bagi Pegangan Pertanian mengikut Subsektor, Hulu Selangor, 2023	312
28.1	Parameter Utama bagi Pegangan Pertanian Individu mengikut Subsektor, Hulu Selangor, 2023	315
28.2	Parameter Utama bagi Pegangan Pertanian Pertubuhan mengikut Subsektor, Hulu Selangor, 2023	316

Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong



RINGKASAN PENEMUAN

Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong

BANCI PERTANIAN 2024

PROFIL PEGANGAN PERTANIAN, MALAYSIA, 2023

Pegangan Pertanian

Jumlah
1,030,020



Individu
1,008,829
(97.9%)



Pertubuhan
21,191
(2.1%)



Pegangan Pertanian mengikut Subsektor

Tanaman

15,823	
911,497	

Ternakan

2,965	
43,816	

Perikanan
Tangkapan

399	
48,267	

Akuakultur

1,872	
8,407	

Perhutanan &
Pembalakan

534	
7,930	

█ Individu █ Pertubuhan

Pegangan Pertanian mengikut Negeri



Johor
102,460
3,578



Kedah
123,194
1,237



Kelantan
87,203
442



Melaka
13,022
802



N. Sembilan
44,082
1,347



Pahang
87,482
2,543



Pulau Pinang
15,491
1,154



Perak
104,878
2,596



Perlis
18,839
131



Selangor
35,474
1,643



Terengganu
72,367
684



Sabah
156,635
2,624



Sarawak
145,378
2,036



W.P. Kuala Lumpur
1,426
330



W.P. Labuan
732
34



W.P. Putrajaya
166
10

Individu

Pertubuhan



@StatsMalaysia

ASEAN
MALAYSIA 2025
KETERANGKUMAN DAN KEMAMPUAN

MALAYSIA
MADANI
kesejahteraan

ODIN
OPEN DATA INVENTORY
MALAYSIA
TEMPAT PERKATAAN
DI DUNIA

SDG
SUSTAINABLE DEVELOPMENT GOALS
2016 - 2030

SDG
SUSTAINABLE DEVELOPMENT GOALS
2016 - 2030

20 Oktober



KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

Profil Pegangan Pertanian Individu


Kewarganegaraan



Jantina




Sijil Tertinggi Diperoleh



Tiada Maklumat : 39,290

Kumpulan Umur



Kumpulan Etnik



Taraf Perkahwinan



Guna Tenaga Sektor Pertanian

Jumlah
1,784,640



Individu
1,360,168
(76.2%)




Pertumbuhan
424,472
(23.8%)



PARAMETER UTAMA PERTANIAN, MALAYSIA, 2023




Peratus Sumbangan (%) Nilai Jualan mengikut Subsektor dan Negeri




PROFIL PEGANGAN PERTANIAN INDIVIDU, SELANGOR, 2023

Kewarganegaraan



Jantina



Sijil Tertinggi Diperoleh



Kumpulan Umur



Kumpulan Etnik



Taraf Perkahwinan



Guna Tenaga Sektor Pertanian

Jumlah
52,188



Individu
41,790
(80.1%)



Pertubuhan
10,398
(19.9%)





PARAMETER UTAMA PERTANIAN 2023

SELANGOR

	BILANGAN PENGUSAHA	TANAMAN	TERNAKAN	PERIKANAN TANGKARAFAN	AKUAKULTUR	PERHUTANAN & PEMBALAKAN	
	35,474 orang	30,949 orang	1,881 orang	2,365 orang	192 orang	450 orang	Nota: Pegangan pertanian mengikut subsektor merujuk kepada individu dan pertubuhan yang menjalankan lebih daripada satu jenis aktiviti pertanian.
	1,643 pertubuhan	1,203 pertubuhan	317 pertubuhan	9 pertubuhan	174 pertubuhan	1 pertubuhan	

Individu Pertubuhan

PARAMETER UTAMA MENGIKUT SUBSEKTOR

PARAMETER UTAMA PERTANIAN 2023 MENGIKUT SUBSEKTOR

Keluasan bertanam ('000 ha)	172.84
Keluasan bertuai ('000 ha)	159.67
Kuantiti pengeluaran ('000 kg)	4.86
Kuantiti pengeluaran ('000 mt)	2,843.83
Kuantiti pengeluaran ('000 biji)	3,623,851.35
Kuantiti pengeluaran ('000 ekor)	93,679.59
Kuantiti pengeluaran ('000 liter)	5,071.72
Nilai jualan (RM juta)	3,638.92



 Tidak berkenaan

PARAMETER UTAMA MENGIKUT DAERAH PENTADBIRAN

PARAMETER UTAMA PERTANIAN 2023 MENGIKUT DAERAH PENTADBIRAN

	Pegangan pertanian	Individu	Pertubuhan	Nilai jualan (RM juta)
Gombak	1,652	1,415	237	237.68
Klang	3,256	3,028	228	740.97
Kuala Langat	5,713	5,471	242	1272.68
Kuala Selangor	7,249	7,107	142	2,410.36
Petaling	1,880	1,613	267	86.83
Sabak Bernam	9,296	9,197	99	1,634.99
Sepang	2,691	2,564	127	545.67
Hulu Langat	2,549	2,412	137	234.21
Hulu Selangor	2,831	2,667	164	1,230.88

Nota¹

- Aktiviti perhutanan merujuk kepada lokasi tempat kediaman dan pertubuhan. Aktiviti pembalakan merujuk kepada lokasi pembalakan.
- Aktiviti pembalakan adalah termasuk pengeluaran kayu getah, kayu bakau/jaras/ arang-arang dan kayu balak yang mana berbeza dengan laporan Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia, Jabatan Perhutanan Sabah dan Jabatan Hutan Sarawak yang hanya mengambil kira pengeluaran kayu balak sahaja.
- Aktiviti perhutanan dan pembalakan dalam kawasan Hutan Simpanan Kekal (HSK) dan / atau luar kawasan HSK tidak tertakluk kepada definisi yang digunakan oleh Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia, Jabatan Perhutanan Sabah dan Jabatan Hutan Sarawak.



PENDUDUK DAN INDIKATOR DEMOGRAFI

Negeri	Penduduk ('000)				
	2020	2021	2022	2023	2024 ^p
Selangor	6,994.4	7,014.7	7,050.3	7,209.7	7,363.4
Gombak	942.4	948.0	950.2	966.2	980.3
Klang	1,088.9	1,078.7	1,094.1	1,134.0	1,174.9
Kuala Langat	307.4	312.2	314.5	320.7	326.3
Kuala Selangor	281.7	285.1	287.6	293.2	298.4
Petaling	2,298.1	2,315.7	2,304.8	2,334.7	2,360.0
Sabak Bernam	107.1	107.5	107.9	109.2	110.3
Sepang	325.2	330.7	331.5	339.2	346.9
Hulu Langat	1,400.5	1,393.3	1,413.3	1,460.3	1,508.1
Hulu Selangor	243.0	243.4	246.4	252.2	258.1

Negeri	Nisbah Jantina (bagi setiap 100 perempuan)				
	2020	2021	2022	2023	2024 ^p
Selangor	113	112	112	113	115
Gombak	109	110	108	109	109
Klang	119	113	117	121	124
Kuala Langat	110	109	109	110	111
Kuala Selangor	105	104	104	105	106
Petaling	113	114	112	113	113
Sabak Bernam	109	108	108	109	109
Sepang	116	116	115	115	116
Hulu Langat	113	112	112	114	116
Hulu Selangor	114	112	113	114	116

Negeri	Struktur Umur ('000)														
	2020			2021			2022			2023			2024 ^p		
	0-14 tahun	15-64 tahun	65+ tahun	0-14 tahun	15-64 tahun	65+ tahun	0-14 tahun	15-64 tahun	65+ tahun	0-14 tahun	15-64 tahun	65+ tahun	0-14 tahun	15-64 tahun	65+ tahun
Selangor	1,549.6	4,962.2	482.6	1,531.6	4,978.7	504.5	1,516.7	5,008.8	524.9	1,532.2	5,119.9	557.6	1,540.8	5,229.0	593.5
Gombak	216.5	664.8	61.1	215.0	668.6	64.4	210.8	672.6	66.8	210.9	684.5	70.9	209.7	695.5	75.2
Klang	231.2	780.4	77.3	231.8	766.5	80.4	227.8	783.1	83.2	234.8	810.2	89.0	241.1	838.1	95.6
Kuala Langat	72.5	215.1	19.8	74.1	217.5	20.6	74.5	218.7	21.3	76.2	222.2	22.3	77.5	225.4	23.5
Kuala Selangor	68.0	196.5	17.2	66.8	200.1	18.2	67.1	201.7	18.9	68.3	205.0	19.8	69.3	208.2	20.9
Petaling	495	1,638.2	164.9	482.9	1,659.6	173.2	475.1	1,649.4	180.3	470.7	1,673.1	190.9	463.6	1,693.9	202.5
Sabak Bernam	26.0	73.8	7.3	26.0	74.1	7.3	26.2	74.5	7.2	26.7	75.3	7.2	27.0	76.1	7.3
Sepang	74.9	231.0	19.3	75.4	234.4	20.8	75.3	234.4	21.9	77.4	238.4	23.4	79.3	242.6	25.0
Hulu Langat	307.2	993.2	100.0	302	988.2	103.1	302.4	1,002.5	108.5	308.8	1,035.3	116.2	314.2	1,069.3	124.6
Hulu Selangor	58.2	169.2	15.7	57.5	169.7	16.3	57.4	171.9	17.0	58.4	175.9	17.9	59.2	180.0	19.0

Nota:

1. Anggaran Penduduk Pertengahan Tahun berdasarkan data Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2020
2. Hasil tambah mungkin berbeza kerana pembundaran

3. ^p Permulaan

PENDUDUK DAN INDIKATOR DEMOGRAFI

Negeri	Kadar Kelahiran Kasar (bagi setiap 1,000 penduduk)			
	2020	2021	2022	2023
Selangor	13.4	12.8	11.9	12.6
Gombak	12.4	12.8	11.3	11.8
Klang	13.3	13.8	12.4	13.5
Kuala Langat	18.9	18.1	16.8	18.1
Kuala Selangor	15.2	16.5	16.1	17.2
Petaling	12.2	10.1	9.4	9.8
Sabak Bernam	19.1	18.3	16.7	17.5
Sepang	12.4	16.3	15.9	18.0
Hulu Langat	14.0	13.3	12.2	12.5
Hulu Selangor	14.4	14.3	13.8	15.0

Negeri	Kadar Kematian Kasar (bagi setiap 1,000 penduduk)			
	2020	2021	2022	2023
Selangor	3.6	6.0	4.7	4.5
Gombak	3.5	6.1	4.5	4.4
Klang	4.0	7.2	5.2	5.0
Kuala Langat	4.6	7.0	5.9	5.4
Kuala Selangor	4.5	6.3	5.7	5.4
Petaling	3.1	5.0	3.9	3.8
Sabak Bernam	8.7	10.9	11.5	10.4
Sepang	2.3	4.6	3.8	3.8
Hulu Langat	3.6	6.3	4.6	4.5
Hulu Selangor	4.8	6.3	6.0	6.0

Negeri	Jangkaan Hayat Ketika Lahir (Lelaki & Perempuan)			
	2021	2022	2023 ^p	2024 ^e
Selangor	76.4	76.2	76.5	78.0
Gombak	75.9	75.9	76.2	77.9
Klang	75.0	74.9	75.2	77.3
Kuala Langat	73.8	73.7	73.9	75.3
Kuala Selangor	74.1	73.9	74.0	75.0
Petaling	78.5	78.5	78.8	80.2
Sabak Bernam	68.5	68.2	68.0	68.9
Sepang	78.3	77.6	77.3	78.5
Hulu Langat	76.2	76.1	76.5	78.1
Hulu Selangor	73.8	73.4	73.1	73.8

Nota:

1. ^p Permulaan
2. ^e Anggaran

1.0 PENGENALAN

Laporan ini membentangkan parameter utama sektor pertanian hasil dapatan Banci Pertanian 2024 bagi tahun rujukan 2023. Parameter yang dipaparkan dalam laporan interim ini meliputi bilangan pegangan pertanian yang terdiri daripada pegangan pertanian individu dan pertubuhan yang menjalankan aktiviti pertanian untuk tujuan jualan. Lokasi pegangan pertanian bagi aktiviti pertanian merujuk kepada lokasi tempat tinggal bagi pegangan pertanian individu, manakala bagi pegangan pertanian pertubuhan merujuk kepada alamat pertubuhan berada. Selain itu, laporan ini turut mengandungi maklumat keluasan bertanam, keluasan bertuai, kuantiti pengeluaran, kuantiti jualan dan nilai jualan mengikut negeri dan daerah. Maklumat bagi keluasan bertanam, keluasan bertuai, kuantiti pengeluaran, kuantiti jualan dan nilai jualan adalah merujuk kepada lokasi di mana aktiviti pertanian dijalankan.

2.0 LATAR BELAKANG

Banci Pertanian 2024 yang telah dilaksanakan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) merupakan aktiviti pengumpulan data yang dijalankan ke atas semua pertubuhan dan isi rumah yang menjalankan aktiviti pertanian meliputi tanaman, ternakan, perikanan dan perhutanan & pembalakan. Banci Pertanian 2024 adalah banci yang keempat dilaksanakan semenjak penubuhan Malaysia pada tahun 1963. Pelaksanaan Banci Pertanian 2024 adalah di bawah peruntukan yang terkandung dalam Akta Banci 1960 (disemak 1969). Tempoh pembancian bermula dari Julai sehingga Oktober 2024.

Banci Pertanian ini penting bagi tujuan perancangan dan pembangunan negara. Ianya juga digunakan sebagai penanda aras baharu dalam penyediaan indikator pertanian bagi tujuan perancangan industri pertanian di Malaysia. Penemuan banci ini dapat menilai kedudukan sektor pertanian dan bagaimana ia dapat menyokong Agenda Pembangunan Mampan 2030. Dengan adanya data yang lengkap dan terkini, kerajaan serta pihak berkepentingan dapat membuat keputusan yang lebih tepat dalam merangka pelan dasar dan strategi pembangunan sektor pertanian dengan lebih berkesan.

Secara umum, sektor pertanian di Malaysia merangkumi pelbagai aktiviti di bawah subsektor tanaman makanan & komoditi, perikanan & akuakultur, penternakan dan perhutanan & pembalakan. Sektor pertanian juga menjadi sumber pendapatan utama bagi kebanyakan penduduk luar bandar dan menyediakan peluang pekerjaan serta pembangunan komuniti. Selain itu, subsektor tanaman makanan seperti padi, sayur-sayuran dan buah-buahan turut memainkan peranan penting dalam memenuhi keperluan domestik. Dalam subsektor perikanan, industri akuakultur semakin berkembang bagi menampung permintaan yang meningkat terhadap sumber protein. Penternakan pula memberi sumbangan besar dalam pengeluaran daging, telur, susu dan produk ternakan lain.

Kerajaan telah memperkenalkan pelbagai dasar dan inisiatif bagi menyokong pertumbuhan sektor pertanian, antaranya Dasar Agromakanan Negara 2.0 bagi tempoh 2021-2030 dan pelbagai program transformasi pertanian. Langkah-langkah ini bertujuan untuk meningkatkan daya saing sektor pertanian, memperkenalkan teknologi moden serta menggalakkan amalan pertanian lestari yang mampu menjamin kelangsungan sumber semula jadi.

Sektor pertanian memainkan peranan penting dalam ekonomi Malaysia dengan menyumbang kepada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK), menyediakan peluang pekerjaan dan menggalakkan eksport produk pertanian. Kepentingan sektor ini bukan sahaja terletak pada pengeluaran makanan, tetapi juga dalam memastikan keterjaminan sumber makanan negara, keseimbangan sosial serta pembangunan luar bandar yang lebih inklusif. Oleh itu, pemantauan dan penilaian melalui Banci Pertanian adalah penting bagi memastikan sektor ini terus berkembang dan memberi manfaat kepada rakyat serta negara secara keseluruhan.

Bagi menjayakan hasrat ini, Jabatan Perangkaan Malaysia selaku penyedia perkhidmatan statistik utama negara telah melaksanakan Banci Pertanian 2024 bermula 7 Julai hingga 31 Oktober 2024 yang melibatkan hampir 1.3 juta Tempat Kediaman (TK) di seluruh negara. Di Selangor, Banci Pertanian 2024 telah melibatkan sejumlah 76,500 TK dan 2,613 pertubuhan berdaftar.

3.0 SOSIOEKONOMI NEGERI SELANGOR

Selangor merupakan antara negeri yang paling pesat membangun di Malaysia, khususnya dalam sektor perkhidmatan serta pembangunan infrastruktur yang moden dan mampan. Negeri ini dibahagikan kepada sembilan daerah pentadbiran iaitu Gombak, Klang, Kuala Langat, Kuala Selangor, Petaling, Sabak Bernam, Sepang, Hulu Langat dan Hulu Selangor. Kesemua daerah ini ditadbir oleh 12 Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang bertanggungjawab dalam aspek pengurusan pentadbiran, perancangan pembangunan, kebersihan serta kesejahteraan komuniti setempat.

Selangor meliputi keluasan 8,210 kilometer persegi dan terletak di bahagian tengah Semenanjung Malaysia. Negeri ini bersempadan dengan Perak di utara, Pahang di timur, Negeri Sembilan di selatan, serta Selat Melaka di sebelah barat. Selain itu, Selangor turut dikelilingi oleh beberapa lembangan sungai utama seperti Sungai Klang, Sungai Langat dan Sungai Selangor yang memainkan peranan penting sebagai sumber bekalan air dan menyokong aktiviti pertanian di negeri ini.

Anggaran penduduk Selangor pada 2023 adalah 7.2 juta orang dan menjadikannya negeri dengan jumlah penduduk tertinggi di Malaysia iaitu merangkumi hampir 21.5 peratus daripada keseluruhan penduduk negara. Petaling mencatatkan bilangan penduduk tertinggi iaitu seramai 2.33 juta orang diikuti oleh Hulu Langat (1.46 juta) dan Klang (1.13 juta). Dari segi komposisi etnik, penduduk Bumiputera merangkumi 56.0 peratus daripada keseluruhan penduduk Malaysia dan diikuti oleh Cina (24.4%), India (10.1%) dan lain-lain termasuk bukan warganegara (9.5%). Lebih daripada 91.4 peratus penduduk Selangor tinggal di kawasan bandar manakala selebihnya di kawasan luar bandar. Tahap urbanisasi yang tinggi serta kepelbagaiannya etnik ini telah membentuk suasana sosial dan ekonomi yang amat dinamik dan progresif, menjadikan Selangor sebagai antara negeri paling strategik dalam landskap pembangunan negara.

Dari segi ekonomi, Selangor ialah penyumbang terbesar kepada KDNK Malaysia. Pada tahun 2023, KDNK Selangor dianggarkan bernilai RM 406.07 bilion iaitu kira-kira 24.7 peratus daripada keseluruhan KDNK negara. Sektor utama yang menyumbang kepada ekonomi negeri adalah

perkhidmatan (RM247,684 juta; 61.0%) diikuti pembuatan (RM119,572 juta; 29.4%), pembinaan (RM20,060 juta; 4.9%), pertanian (RM4,564 juta; 1.1%) dan perlombongan & pengkuarian (RM827 juta; 0.2%).

Sektor pertanian memainkan peranan penting dalam menjamin keselamatan makanan negara serta menyumbang kepada pembangunan luar bandar yang inklusif, seimbang dan berdaya tahan. Meskipun sumbangan sektor ini kepada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) Negeri Selangor hanya mencatatkan kadar sekitar 1.1 peratus pada tahun 2023, namun beberapa kawasan di Sabak Bernam dan Kuala Selangor masih kekal aktif dalam aktiviti pertanian terutamanya bagi sektor tanaman padi.

Jadual 1: Sumbangan KDNK Selangor mengikut Sektor, 2020-2023

Jenis aktiviti ekonomi	2020	2021	2022	2023	RM juta
Pertanian	4,721	4,950	4,926	4,564	
Perlombongan & pengkuarian	755	708	797	827	
Pembuatan	95,114	107,456	117,172	119,572	
Pembinaan	18,665	17,474	18,209	20,060	
Perkhidmatan	200,127	205,430	233,373	247,684	
Tambah: Duti import	7,423	8,085	10,683	13,365	
KDNK pada harga pembeli	326,805	344,103	385,159	406,071	

Sumber: Laporan Sosioekonomi 2023

Aktiviti pertanian utama di Selangor tertumpu kepada penanaman kelapa sawit dan padi iaitu dua tanaman yang menjadi penyumbang utama kepada pendapatan sektor pertanian negeri. Kelapa sawit merupakan komoditi paling dominan yang diusahaikan secara meluas oleh pelbagai pihak termasuk syarikat perladangan, agensi kerajaan seperti FELDA dan FELCRA serta pekebun kecil persendirian. Penanaman kelapa sawit banyak tertumpu di daerah Kuala Selangor, Kuala Langat dan Hulu Selangor yang merupakan antara kawasan pengeluaran utama negeri. Sementara itu, penanaman padi turut memainkan peranan penting dalam memastikan kelangsungan bekalan beras dan keselamatan makanan negeri. Aktiviti penanaman padi di Selangor tertumpu di dua daerah utama iaitu Sabak Bernam dan Kuala Selangor yang dikenali sebagai jelapang padi utama negeri ini.

4.0 PRESTASI SEKTOR PERTANIAN NEGERI SELANGOR (2020–2023)

Sektor pertanian di Selangor pada 2023 menyumbang sebanyak RM4.56 bilion atau 1.1 peratus kepada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) Malaysia. Namun begitu, sumbangan ini menunjukkan penurunan sebanyak 7.3 peratus berbanding tahun sebelumnya yang mencatatkan nilai RM4.93 bilion.

Tanaman merupakan penyumbang utama dalam sektor pertanian yang merangkumi sekitar 50 peratus daripada jumlah KDNK sektor ini bagi tempoh 2020 hingga 2023. Namun begitu, subsektor ini mencatatkan penyusutan sebanyak RM162 juta daripada RM2.45 bilion (2022) kepada RM2.29 bilion pada 2023.

Jadual 2: KDNK mengikut Jenis Aktiviti Ekonomi pada Harga Malar 2015, Selangor, 2020-2023

Jenis aktiviti ekonomi		2020	2021	2022	2023
Pertanian	KDNK (RM juta)	4,721	4,950	4,926	4,564
	Δ %	0.3	4.9	-0.5	-7.3
	%	100	100	100	100
Tanaman	KDNK (RM juta)	2,387	2,492	2,453	2,291
	Δ %	0.1	4.4	-1.5	-6.6
	%	50.6	50.3	49.8	50.2
Ternakan	KDNK (RM juta)	1,171	1,212	1,210	1,232
	Δ %	3.6	3.5	-0.2	1.8
	%	24.8	24.5	24.6	27.0
Perikanan	KDNK (RM juta)	1,156	1,240	1,256	1,036
	Δ %	-2.6	7.3	1.3	-17.5
	%	24.5	25.1	25.5	22.7
Perhutanan & pembalakan	KDNK (RM juta)	7	7	6	5
	Δ %	-0.4	-1	-3.9	-17.1
	%	0.1	0.1	0.1	0.1

Nota:

Δ % Perubahan peratusan tahunan
% Peratus sumbangan kepada KDNK

Sumber: Laporan Sosioekonomi 2023

Subsektor ternakan menunjukkan peningkatan daripada RM1.21 bilion pada 2022 kepada RM1.23 bilion pada 2023 masing-masing menyumbangkan sebanyak 24.6 dan 27.0 peratus. Subsektor perikanan pula mencatatkan penurunan sebanyak RM220 juta atau 17.5 peratus iaitu daripada RM1.26 bilion (2022) kepada RM1.04 bilion pada 2023.

5.0 PRESTASI EKSPORT DAN IMPORT KOMODITI UTAMA PERTANIAN SELANGOR

Pada 2023, jumlah perdagangan keseluruhan Selangor mencatat nilai sebanyak RM574.9 bilion dengan RM252.7 bilion disumbangkan oleh eksport dan RM322.2 bilion oleh import. Eksport utama negeri ini didominasi oleh litar elektronik bersepadau (RM33.8 bilion), petroleum bertapi (RM21.2 bilion), serta barang elektrik dan elektronik lain (RM16.8 bilion). Bagi import pula, barang utama ialah keluaran petroleum bertapis (RM25.1 bilion), barang elektrik dan elektronik lain (RM15.9 bilion), serta pesawat udara bersama kelengkapan dan alat ganti (RM12.5 bilion).

Jadual 3: Eksport 10 Komoditi Utama Barang Pertanian, Selangor, 2020-2023

Jenis aktiviti ekonomi	2020	2021	2022 ^e	2023 ^p
Minyak kelapa sawit	6,968	12,293	17,609	11,139
Oleokimia berdasarkan kelapa sawit	4,071	8,573	12,046	8,205
Sarung tangan getah	22,489	32,593	10,605	5,436
Hasil keluaran kelapa sawit yang lain	1,472	3,869	4,846	4,984
Perabut kayu dan rotan	2,270	2,347	2,560	1,838
Minyak isirung kelapa sawit	1,162	2,166	2,180	1,254
Lain-lain kayu - pulp	498	678	422	774
Kayu gergaji	860	894	985	716
Kayu tanggam	235	220	329	369
Kayu kumai	279	291	365	286

Nota:

1. ^e Anggaran
2. ^p Permulaan

Walaupun sektor perkilangan mendominasi perdagangan Selangor, sektor pertanian turut memainkan peranan yang penting khususnya dalam eksport dan import komoditi tertentu. Selangor menyumbang kepada eksport komoditi utama barang pertanian negara melalui komoditi utama iaitu minyak kelapa sawit (RM11.14 bilion), oleokimia berdasarkan kelapa sawit (RM8.21 bilion) dan sarung tangan getah (RM5.44 bilion).

Jadual 4: Import 10 Komoditi Utama Barang Pertanian, Selangor, 2020-2023

Jenis aktiviti ekonomi	2020	2021	2022 ^e	RM juta 2023 ^p
Beras	1,513	1,385	1,597	2,279
Sayur-sayuran	1,937	1,964	2,155	2,342
Jagung (termasuk jagung manis)	1,737	2,309	2,654	2,448
Baja, dikilangkan	1,300	1,845	3,264	2,253
Gula daripada bit atau tebu	912	1,080	1,059	1,415
Susu dan krim, tepung	1,356	1,424	1,250	1,267
Gandum belum dikilang	315	713	1,008	1,100
Susu tepung tersedia, untuk digunakan sebagai makanan bayi ('000 kg)	466	656	645	660
Ikan, segar, didinginkan atau disejukbekukan	489	592	792	702
Krustasea & moluska, segar, didinginkan, disejukbekukan, dikeringkan	279	357	590	538

Nota:

1. ^e Anggaran
2. ^p Permulaan

Import barang pertanian yang penting untuk kegunaan domestik adalah jagung (termasuk jagung manis) (RM2.45 bilion), sayur-sayuran (RM2.34 bilion) dan beras (RM2.28 bilion).

6.0 PARAMETER SEKTOR PERTANIAN SELANGOR

6.1 Profil Pegangan Pertanian

Hasil dapatan Banci Pertanian 2024 menunjukkan bahawa sebanyak 37,117 pegangan pertanian direkodkan pada tahun 2023, merangkumi 35,474 pegangan pertanian individu (95.6%) dan 1,643 pegangan pertanian pertubuhan (4.4%).

6.1.1 Kewarganegaraan

Daripada 35,474 pegangan pertanian individu di Selangor, seramai 35,364 orang atau 99.7 peratus merupakan warganegara, manakala 110 orang (0.3%) lagi terdiri daripada bukan warganegara.

Paparan 1: Pegangan Pertanian Individu bagi Sektor Pertanian mengikut Kewarganegaraan, Selangor, 2023



Warganegara
35,364
(99.7%)




Bukan Warganegara
110
(0.3%)

6.1.2 Jantina

Pegangan pertanian individu di Selangor didominasi oleh lelaki iaitu 27,221 orang (76.7%) berbanding 8,253 perempuan (23.3%).


Paparan 2: Pegangan Pertanian Individu bagi Sektor Pertanian mengikut Jantina, Selangor, 2023



6.1.3 Kumpulan Umur

Seramai 15,794 orang atau 44.5 peratus daripada pegangan pertanian individu adalah berumur 60 tahun dan ke atas, diikuti oleh individu yang berumur 46 hingga 59 tahun (11,630 orang; 32.8%), 31 hingga 45 tahun (6,726 orang; 19.1%) dan 15 hingga 30 tahun (1,324 orang; 3.7%).


Paparan 3: Pegangan Pertanian Individu bagi Sektor Pertanian mengikut Kumpulan Umur, Selangor, 2023



6.1.4 Kumpulan Etnik

Majoriti pegangan pertanian individu adalah daripada etnik Bumiputera dengan bilangan seramai 26,546 orang (75.1%), diikuti oleh Cina (7,212 orang; 20.4%), India (1,365 orang; 3.9%) dan lain-lain (241 orang; 0.7%).


Paparan 4: Pegangan Pertanian Individu bagi Sektor Pertanian mengikut Kumpulan Etnik, Selangor, 2023



6.1.5 Taraf Perkahwinan

Majoriti pegangan pertanian individu terdiri daripada mereka yang telah berkahwin (29,148 orang; 82.2%), diikuti oleh balu/ duda (3,006 orang; 8.5%), tidak pernah berkahwin (2,938 orang; 8.3%) dan bercerai/berpisah (382 orang; 1.1%).


Paparan 5: Pegangan Pertanian Individu bagi Sektor Pertanian mengikut Taraf Perkahwinan, Selangor, 2023



6.1.6 Sijil Tertinggi Diperoleh

Seramai 16,391 orang atau 46.2 peratus pegangan pertanian individu mempunyai sijil pendidikan peringkat menengah, diikuti oleh tiada sijil (7,722 orang; 21.8%) dan peringkat rendah (7,600 orang; 21.4%). Pegangan pertanian individu yang mempunyai pendidikan peringkat tertiari pula berjumlah 3,761 orang (10.6%).


Paparan 6: Pegangan Pertanian Individu bagi Sektor Pertanian mengikut Sijil Tertinggi Diperoleh, Selangor, 2023



6.4 Nilai Jualan

Secara keseluruhannya, nilai jualan pada tahun 2023 adalah sebanyak RM8.39 billion dengan lebih daripada 64 peratus disumbangkan oleh pertubuhan iaitu sebanyak RM5.41 billion.

Paparan 7: Nilai Jualan Sektor Pertanian, Selangor, 2023




6.5 Guna Tenaga

Guna tenaga pegangan pertanian adalah sebanyak 52,188 orang. Daripada jumlah tersebut seramai 10,398 orang adalah guna tenaga pertubuhan manakala guna tenaga individu adalah 41,790.

6.6 Parameter Sektor Pertanian mengikut Daerah Pentadbiran

Pegangan pertanian mengikut daerah pentadbiran menunjukkan bahawa Sabak Bernam mencatatkan bilangan pegangan pertanian individu tertinggi dengan jumlah seramai 8,197 orang. Namun, bagi pegangan pertubuhan, Petaling mencatatkan bilangan tertinggi iaitu 227 pengusaha.

Carta 1: Pegangan Pertanian mengikut Daerah Pentadbiran, Selangor, 2023





SUBSEKTOR TANAMAN

Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong

SUBSEKTOR TANAMAN

7.0 SUBSEKTOR TANAMAN

7.1 Profil Pegangan Pertanian

Hasil daptan Banci Pertanian 2024 menunjukkan bahawa sebanyak 32,152 pegangan pertanian subsektor tanaman direkodkan pada tahun 2023, merangkumi 30,949 pegangan pertanian individu (96.3%) dan 1,203 pegangan pertanian pertubuhan (3.7%).

7.1.1 Kewarganegaraan

Daripada 30,949 pegangan pertanian individu di Selangor, seramai 30,846 orang atau 99.7 peratus merupakan warganegara, manakala 103 orang (0.3%) lagi terdiri daripada bukan warganegara.

Paparan 8: Pegangan Pertanian Individu bagi Subsektor Tanaman mengikut Kewarganegaraan, Selangor, 2023



Warganegara
30,846
(99.7%)




Bukan Warganegara
103
(0.3%)

7.1.2 Jantina

Pegangan pertanian individu di Selangor didominasi oleh lelaki iaitu 22,873 orang (73.9%) berbanding 8,076 perempuan (26.1%).

Paparan 9: Pegangan Pertanian Individu bagi Subsektor Tanaman mengikut Jantina, Selangor, 2023




SUBSEKTOR TANAMAN

7.1.3 Kumpulan Umur

Seramai 14,701 orang atau 47.5 peratus daripada pegangan pertanian individu adalah berumur 60 tahun dan ke atas, diikuti oleh individu yang berumur 46 hingga 59 tahun (10,012 orang; 32.3%), 31 hingga 45 tahun (5,281 orang; 17.1%) dan 15 hingga 30 tahun (955 orang; 3.1%).


Paparan 10: Pegangan Pertanian Individu bagi Subsektor Tanaman mengikut Kumpulan Umur, Selangor, 2023



7.1.4 Kumpulan Etnik

Majoriti pegangan pertanian individu adalah daripada etnik Bumiputera dengan bilangan seramai 23,500 orang (76.2%), diikuti oleh Cina (6,196 orang; 20.1%), India (945 orang; 3.1%) dan lain-lain (205 orang; 0.7%).

Paparan 11: Pegangan Pertanian Individu Individu bagi Subsektor Tanaman mengikut Kumpulan Etnik, Selangor, 2023




SUBSEKTOR TANAMAN

7.1.5 Taraf Perkahwinan

Majoriti pegangan pertanian individu terdiri daripada mereka yang telah berkahwin (25,597 orang; 82.7%), diikuti oleh balu/duda (2,720 orang; 8.8%), tidak pernah berkahwin (2,299 orang; 7.4%) dan bercerai/berpisah (333 orang; 1.1%).


Paparan 12: Pegangan Pertanian Individu bagi Subsektor Tanaman mengikut Taraf Perkahwinan, Selangor, 2023



7.1.6 Sijil Tertinggi Diperoleh

Seramai 14,474 orang atau 46.8 peratus pegangan pertanian individu mempunyai sijil pendidikan peringkat menengah diikuti oleh tiada sijil (6,583 orang; 21.3%) dan peringkat rendah (6,417 orang; 20.7%). Pegangan pertanian individu yang mempunyai pendidikan peringkat tertiari pula berjumlah 3,475 orang (11.2%).

Paparan 13: Pegangan Pertanian Individu bagi Subsektor Tanaman mengikut Sijil Tertinggi Diperoleh, Selangor, 2023




SUBSEKTOR TANAMAN

7.2 Keluasan Bertanam

Jumlah keluasan bertanam pada tahun 2023 adalah seluas 172.84 ribu hektar. Daripada jumlah tersebut, 69.72 ribu hektar diusahakan oleh pegangan pertanian individu, manakala 103.12 ribu hektar oleh pegangan pertanian pertubuhan. Sabak Bernam mencatatkan jumlah keluasan bertanam terbesar iaitu seluas 44.12 ribu hektar, diikuti oleh Kuala Selangor (38.53 ribu hektar) dan Hulu Selangor (30.46 ribu hektar).


Paparan 14: Keluasan Bertanam bagi Subsektor Tanaman mengikut Pegangan Pertanian, Selangor, 2023



7.3 Keluasan Bertuai

Jumlah keluasan bertuai di Selangor merekodkan 159.67 ribu hektar. Daripada jumlah tersebut, keluasan bertuai bagi pegangan pertanian individu adalah seluas 68.02 ribu hektar, manakala keluasan bertuai bagi pertubuhan adalah 91.65 ribu hektar. Sabak Bernam mencatatkan jumlah keluasan bertuai terbesar iaitu seluas 43.28 ribu hektar diikuti oleh Kuala Selangor (35.64 ribu hektar) dan Hulu Selangor (25.27 ribu hektar).

Paparan 15: Keluasan Bertuai bagi Subsektor Tanaman mengikut Pegangan Pertanian, Selangor, 2023




SUBSEKTOR TANAMAN

7.4 Kuantiti Pengeluaran

Kuantiti pengeluaran bagi subsektor tanaman pada tahun 2023 mencatatkan 2.84 juta tan metrik. Tanaman kelapa sawit merekodkan kuantiti pengeluaran tertinggi iaitu 2.27 juta tan metrik. Kelapa Sawit paling banyak dikeluarkan di Kuala Selangor iaitu 0.56 juta tan metrik.


Paparan 16: Kuantiti Pengeluaran bagi Subsektor Tanaman mengikut Pegangan Pertanian, Selangor, 2023



7.5 Kuantiti dan Nilai Jualan

Secara keseluruhannya, kuantiti jualan bagi subsektor tanaman pada tahun 2023 mencatatkan 2.83 juta tan metrik, manakala nilai jualan bagi subsektor tanaman direkodkan sebanyak RM3.64 bilion.

Paparan 17: Kuantiti dan Nilai Jualan bagi Subsektor Tanaman mengikut Pegangan Pertanian, Selangor, 2023



SUBSEKTOR TANAMAN

7.6 Parameter Subsektor Tanaman Mengikut Daerah Pentadbiran

Pengagihan pegangan pertanian mengikut daerah pentadbiran menunjukkan bahawa Sabak Bernam mencatatkan bilangan tertinggi, iaitu sebanyak 8,265 (25.7%). Diikuti oleh Kuala Selangor (6,655 pengusaha; 20.7%), Kuala Langat (4,886 pengusaha; 15.2%) Sepang (2,503 pengusaha; 7.8%), Hulu Selangor (2,495 pengusaha; 7.8%), Klang (2,131 pengusaha; 6.6%), Hulu Langat (1,901 pengusaha; 5.9%), Petaling (1,813 pengusaha; 5.6%) dan Gombak (1,503 pengusaha; 4.7%).

Jadual 5: Pegangan Pertanian bagi Subsektor Tanaman mengikut Daerah Pentadbiran, Selangor, 2023


Negeri/ Daerah Pentadbiran	Pegangan Pertanian		Individu		Pertubuhan	
	Bilangan	Peratus (%)	Bilangan	Peratus (%)	Bilangan	Peratus (%)
Selangor	32,512	100.0	30,949	100.0	1,203	100.0
Gombak	1,503	4.7	1,338	4.3	165	13.7
Klang	2,131	6.6	1,987	6.4	144	12.0
Kuala Langat	4,886	15.2	4,707	15.2	179	14.9
Kuala Selangor	6,655	20.7	6,552	21.2	103	8.6
Petaling	1,813	5.6	1,586	5.1	227	18.9
Sabak Bernam	8,265	25.7	8,197	26.5	68	5.7
Sepang	2,503	7.8	2,397	7.7	106	8.8
Hulu Langat	1,901	5.9	1,813	5.9	88	7.3
Hulu Selangor	2,495	7.8	2,372	7.7	123	10.2

Pecahan mengikut jenis pegangan pertanian bagi subsektor tanaman, pegangan pertanian individu tanaman menyumbang 96.3 peratus (30,949 orang), manakala hanya 3.7 peratus (1,203 pertubuhan) terdiri daripada pegangan pertanian pertubuhan. Sabak Bernam merekodkan bilangan pegangan pertanian individu tertinggi iaitu seramai 8,197 orang (26.5%) diikuti Kuala Selangor (6,552; 21.2%) dan Kuala Langat (4,707; 15.2%) manakala bagi pegangan pertanian pertubuhan, Petaling mencatat jumlah tertinggi dengan 227 pertubuhan (18.9%) diikuti oleh Kuala Langat (179; 14.9%) dan Gombak (165; 13.7%).

SUBSEKTOR TANAMAN

Dari segi keluasan bertanam dan bertuai, Sabak Bernam turut mencatatkan angka tertinggi iaitu masing-masing 44,122.79 hektar dan 43,286.51 hektar. Data ini menunjukkan bahawa Sabak Bernam merupakan kawasan pertanian utama di negeri Selangor. Selain itu, Kuala Selangor juga merekodkan keluasan bertanam dan bertuai yang kedua tertinggi masing-masing mencatatkan sebanyak 38,526.93 hektar dan 35,641.44 hektar. Manakala Hulu Selangor mencatatkan keluasan ketiga tertinggi masing-masing iaitu 30,457.65 hektar dan 25,270 hektar.

Carta 2: Keluasan bagi Subsektor Tanaman mengikut Daerah Pentadbiran, Selangor, 2023



KELAPA SAWIT


7.7 Subsektor Tanaman: Kelapa Sawit

Industri kelapa sawit merupakan antara tonggak utama ekonomi Malaysia menyumbang hampir tiga peratus kepada KDNK negara dan lebih 30 peratus kepada pendapatan eksport komoditi. Malaysia merupakan antara pengeksport minyak sawit terbesar di dunia.

Walaupun Selangor bukan negeri pengeluar utama di Malaysia, industri kelapa sawit tetap memainkan peranan penting dalam menjana pendapatan terutama kepada pekebun kecil serta menyumbang kepada pembangunan ekonomi luar bandar.

Industri kelapa sawit di Selangor terus menunjukkan prestasi yang memberangsangkan dengan penglibatan aktif seramai 16,401 pengusaha mewakili 44.2 peratus daripada keseluruhan pengusaha pertanian di negeri ini menjadikan kelapa sawit sebagai subsektor pertanian paling dominan dari segi penyertaan. Daripada jumlah tersebut sebanyak 15,861 merupakan pengusaha individu, manakala 540 lagi terdiri daripada pengusaha pertubuhan.

Paparan 18: Pegangan Pertanian bagi Tanaman Kelapa Sawit, Selangor, 2023



Bilangan pengusaha tertinggi dicatatkan oleh Kuala Langat iaitu 4,395 diikuti oleh Kuala Selangor 4,223. Bilangan pengusaha bagi kedua-dua daerah ini mewakili 52.5 peratus daripada jumlah keseluruhan pengusaha kelapa sawit bagi negeri Selangor.


KELAPA SAWIT

Luas bertanam bagi kelapa sawit di Selangor adalah 111.0 ribu hektar. Daripada jumlah luas bertanam ini, lebih 89.5 peratus atau sekitar 99.32 ribu hektar telah mencapai peringkat tuaian. Ini bermakna tanah yang diusahakan berada dalam fasa matang dan sedang aktif mengeluarkan hasil. Kuala Selangor merupakan daerah utama penanaman kelapa sawit yang mencatatkan kluasan bertanam sebanyak 26.75 ribu hektar manakala kluasan bertuai adalah 24.01 hektar.

Selangor mencatatkan pengeluaran sebanyak 2.27 juta tan metrik buah tandan segar (BTS) dengan nilai jualan mencecah RM2.03 bilion. Pencapaian ini mencerminkan kecekapan yang tinggi dan produktiviti yang memberangsangkan dalam sektor kelapa sawit.

Nilai ini turut mencerminkan kekuatan pasaran serta permintaan yang berterusan terhadap produk berdasarkan kelapa sawit. Keadaan ini mengukuhkan kedudukan industri kelapa sawit sebagai penyumbang utama kepada ekonomi pertanian negeri Selangor dan menjadikannya sektor yang strategik untuk terus diberi tumpuan dalam dasar pembangunan negeri.

Paparan 19: Parameter Utama bagi Tanaman Kelapa Sawit, Selangor, 2023



Bilangan pengusaha yang aktif adalah 4,223 orang pengusaha. Kuala Selangor muncul sebagai daerah yang mencatatkan kuantiti pengeluaran dan nilai jualan tertinggi. Jumlah pengeluaran sebanyak 557.09 ribu tan metrik dan nilai jualan mencecah RM491.04 juta.

KELAPA SAWIT

Pencapaian ini menunjukkan bahawa Kuala Selangor bukan sahaja menjadi penyumbang utama kepada hasil negeri, malah berperanan penting dalam kestabilan rantai bekalan kelapa sawit di peringkat negeri.

Jadual 6: Pegangan Pertanian, Kuantiti Pengeluaran dan Nilai Jualan bagi Tanaman Kelapa Sawit mengikut Daerah Pentadbiran, Selangor, 2023

Negeri / Daerah pentadbiran	Pegangan Pertanian	Kuantiti Pengeluaran ('000 tan metrik)	Nilai Jualan (RM juta)
Selangor	16,401	2,273.08	2.028.29
Gombak	412	68.50	60.88
Klang	1,124	91.41	81.28
Kuala Langat	4,395	504.56	444.77
Kuala Selangor	4,223	557.09	491.04
Petaling	924	1.62	1.43
Sabak Bernam	2,216	162.52	144.67
Sepang	1,865	393.18	360.27
Hulu Langat	534	38.00	34.31
Hulu Selangor	708	456.20	409.64

Kuala Langat merupakan daerah kedua tertinggi dengan merekodkan pengeluaran sebanyak 504.56 ribu tan metrik dengan nilai jualan berjumlah RM444.77 juta. Bilangan pengusaha di Kuala Langat adalah seramai 4,395 orang .

Hulu Selangor pula menduduki tangga ketiga dengan pengeluaran sebanyak 456.20 ribu tan metrik dan nilai jualan berjumlah RM409.64 juta. Walaupun jumlah pengusahaannya lebih rendah berbanding Kuala Selangor dan Kuala Langat iaitu sebanyak 708 orang, daerah ini tetap menunjukkan keupayaan tinggi dari segi kecekapan dan keluasan pengeluaran. Kestabilan hasil yang dicapai oleh Hulu Selangor menunjukkan bahawa faktor seperti skala ladang, pengurusan yang teratur dan sokongan infrastruktur turut menjadi pemacu kejayaan industri sawit.

6.7 Subsektor Tanaman: Padi

Selangor merupakan pengeluar ketiga padi negeri selepas Kedah dan Perak. Selangor mengeluarkan sekitar 12–15 peratus pengeluaran padi negeri. Kawasan jelapang padi utama di Selangor terletak di Sabak Bernam dan Kuala Selangor. Berdasarkan data awalan Banci Pertanian 2024, seramai 7,139 pengusaha terlibat dalam penanaman padi di negeri ini iaitu melibatkan keluasan bertanam seluas 34,709 hektar bagi dua musim penanaman. Hasil keseluruhan yang direkodkan ialah 219,619 tan metrik dengan nilai jualan mencecah RM359.61 juta.

Daripada jumlah tersebut, Sabak Bernam mencatatkan prestasi tertinggi dalam pengeluaran padi di Selangor. Seramai 5,247 pengusaha mengusahakan kawasan seluas 24,098.04 hektar, menyumbang kepada pengeluaran sebanyak 133,433.87 tan metrik. Nilai jualan yang dicatatkan di daerah ini sahaja adalah sebanyak RM220.10 juta yang mewakili lebih 60 peratus daripada keseluruhan nilai jualan padi di negeri Selangor. Kuala Selangor pula mencatatkan seramai 1,843 pengusaha yang mengusahakan tanaman padi keluasan 10,611 hektar dengan kuantiti pengeluaran sebanyak 85,303.21 tan metrik dan nilai jualan sebanyak RM139.50 juta .

Jaudal 7: Parameter Utama bagi Tanaman Padi bagi Kuala Selangor dan Sabak Bernam, Selangor, 2023

Negeri/ Daerah pentadbiran	Pengusaha	Keluasan pertanam (hektar)*	Kuantiti pengeluaran (tan metrik)	Kuantiti jualan (tan metrik)	Nilai jualan (RM juta)
Selangor	7,139	34,708.74	219,619	218,114.64	359.61
Kuala Selangor	1,843	10,610.71	85,303.21	84,680.77	139.50
Sabak Bernam	5,247	24,098.04	134,315.00	133,433.87	220.10

Nota:

* dua kali setahun

Penanaman padi dilakukan secara dua musim setahun dan kaedah penanaman sepenuhnya bergantung kepada sistem pengairan moden di negeri Selangor. Penanaman padi dijalankan secara berperingkat mengikut tempoh masa supaya pengunjung boleh menikmati kehijauan padi sepanjang tahun.

Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong



SUBSEKTOR TERNAKAN

Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong

SUBSEKTOR TERNAKAN

8.0 SUBSEKTOR TERNAKAN

8.1 Profil Pegangan Pertanian

Hasil daptan Banci Pertanian 2024 menunjukkan bahawa sebanyak 2,198 pegangan pertanian subsektor ternakan direkodkan pada tahun 2023, merangkumi 1,881 pegangan individu (85.6%) dan 317 pegangan pertubuhan (14.4%).

8.1.1 Kewarganegaraan

Daripada 1,881 pegangan pertanian individu bagi subsektor ternakan di Selangor, seramai 1,880 orang atau 99.9 peratus merupakan warganegara, manakala seorang (0.1%) lagi terdiri daripada bukan warganegara.


Paparan 20: Pegangan Pertanian Individu bagi Subsektor Ternakan mengikut Kewarganegaraan, Selangor, 2023



8.1.2 Jantina

Pegangan pertanian individu yang menjalankan aktiviti ternakan di Selangor didominasi oleh lelaki iaitu 1,761 orang (93.6%) berbanding 120 perempuan (6.4%).

Paparan 21: Pegangan Pertanian Individu bagi Subsektor Ternakan mengikut Jantina, Selangor, 2023




SUBSEKTOR TERNAKAN

8.1.3 Kumpulan Umur

Seramai 639 orang atau 34.0 peratus daripada pegangan pertanian individu bagi subsektor ternakan adalah berumur di antara 46 hingga 59 tahun diikuti oleh individu yang berumur di antara 31 hingga 45 tahun (636 orang; 33.8%), 60 tahun dan ke atas (468 orang; 24.9%) dan 15 hingga 30 tahun (138 orang; 7.3%).


Paparan 22: Pegangan Pertanian Individu bagi Subsektor Ternakan mengikut Kumpulan Umur, Selangor, 2023



8.1.4 Kumpulan Etnik

Majoriti pegangan pertanian individu bagi subsektor ternakan adalah daripada etnik Bumiputera dengan bilangan seramai 1,402 orang (74.6%), diikuti oleh etnik India (330 orang; 17.6%), Cina (140 orang; 7.5%) dan lain-lain (8 orang; 0.4%).

Paparan 23: Pegangan Pertanian Individu bagi Subsektor Ternakan mengikut Kumpulan Etnik, Selangor, 2023



SUBSEKTOR TERNAKAN

8.1.5 Taraf Perkahwinan

Majoriti pegangan pertanian individu bagi subsektor ternakan terdiri daripada mereka yang telah berkahwin (1,411 orang; 75.0%), diikuti oleh mereka yang tidak pernah berkahwin (327 orang; 17.4%), berbanding balu/duda (120 orang; 6.4%) dan bercerai/berpisah (23 orang; 1.2%).


Paparan 24: Pegangan Pertanian Individu bagi Subsektor Ternakan mengikut Taraf Perkahwinan, Selangor, 2023



8.1.6 Sijil Tertinggi Diperoleh

Seramai 1,188 orang atau 63.2 peratus pegangan pertanian individu yang menjalankan aktiviti ternakan mempunyai sijil pendidikan peringkat menengah, diikuti oleh pengusaha yang mempunyai kelulusan tertiar (253 orang; 13.5%) dan peringkat rendah (261 orang; 13.9%). Pengusaha yang tiada sijil pula adalah seramai 179 orang (9.5%).

Paparan 25: Pegangan Pertanian Individu bagi Subsektor Ternakan mengikut Sijil Tertinggi Diperoleh, Selangor, 2023




SUBSEKTOR TERNAKAN

8.2 Kuantiti Pengeluaran

Secara keseluruhannya, jumlah kuantiti pengeluaran ternakan pada tahun 2023 adalah sebanyak 93.68 juta ekor. Sebahagian besar pengeluaran ini disumbangkan oleh pegangan pertanian pertubuhan sebanyak 89.7 juta ekor bersamaan 95.8 peratus, diikuti oleh pegangan pertanian individu dengan 3.98 juta ekor (4.2%).

Bagi kuantiti pengeluaran dari hasil ternakan yang direkodkan dalam Banci Pertanian 2024 adalah 3,623.85 juta biji telur ayam/itik dan 5.07 juta liter susu segar.

Paparan 26: Kuantiti Pengeluaran bagi Subsektor Ternakan, Selangor, 2023




8.3 Kuantiti dan Nilai Jualan

Daripada 93.68 juta ekor kuantiti pengeluaran ternakan, kuantiti jualan ternakan adalah sebanyak 90.30 juta ekor. Telur ayam/itik dan susu segar merupakan komponen terbesar hasil ternakan dengan kuantiti jualan masing-masing mencatatkan 3,545.25 juta biji dan 4.98 juta liter. Nilai jualan ternakan dan hasil ternakan yang direkodkan pada tahun 2023 adalah RM3,161.47 juta atau RM3.16 bilion.

SUBSEKTOR TERNAKAN

Paparan 27: Kuantiti dan Nilai Jualan bagi Subsektor Ternakan, Selangor, 2023



8.4 Parameter Subsektor Ternakan Mengikut Daerah


Dari segi pengagihan pegangan pertanian bagi aktiviti ternakan mengikut daerah pentadbiran, Kuala Langat merekodkan bilangan pegangan pertanian teratas dengan jumlah 429 (19.5%), diikuti dengan Klang 368 (16.7%), Kuala Selangor 314 (14.3%), Hulu Selangor 268 (12.2%), Sabak Bernam 261 (11.9%), Hulu Langat 237 (10.8%), Gombak 142 (6.5%), Sepang 125 (5.7%) dan Petaling 54 (2.5%). Pegangan pertanian individu bagi subsektor ternakan ini mewakili 85.6 peratus daripada keseluruhan pegangan pertanian bagi subsektor ternakan.

SUBSEKTOR TERNAKAN

Jadual 8: Pegangan Pertanian bagi Subsektor Ternakan mengikut Daerah Pentadbiran, Selangor, 2023

Negeri/ Daerah Pentadbiran	Pegangan Pertanian		Individu		Pertubuhan	
	Bilangan	Peratus (%)	Bilangan	Peratus (%)	Bilangan	Peratus (%)
Selangor	2,198	100.00	1,881	100.00	317	100.00
Gombak	142	6.5	79	4.2	63	19.9
Klang	368	16.7	308	16.4	60	18.9
Kuala Langat	429	19.5	381	20.3	48	15.1
Kuala Selangor	314	14.3	285	15.2	29	9.1
Petaling	54	2.5	26	1.4	28	8.8
Sabak Bernam	261	11.9	243	12.9	18	5.7
Sepang	125	5.7	105	5.6	20	6.3
Hulu Langat	237	10.8	211	11.2	26	8.2
Hulu Selangor	268	12.2	243	12.9	25	7.9

Paparan 28: Pegangan Pertanian Individu bagi Subsektor Ternakan mengikut Jantina, Daerah Pentadbiran, Selangor, 2023



Kuala Langat merekodkan jumlah pegangan pertanian lelaki tertinggi iaitu seramai 364 orang, diikuti oleh Klang seramai 295 orang dan Kuala Selangor seramai 263 orang. Bagi pegangan pertanian perempuan, Kuala Selangor dan Sabak Bernam mencatatkan bilangan tertinggi iaitu seramai 22 orang diikuti Hulu Langat 17 orang.



SUBSEKTOR PERIKANAN TANGKAPAN

Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong

9.0 SUBSEKTOR PERIKANAN TANGKAPAN

9.1 Profil Pegangan Pertanian

Hasil dapatan Banci Pertanian 2024 menunjukkan bahawa sebanyak 2,374 pegangan pertanian aktif dalam aktiviti perikanan tangkapan di Selangor yang merangkumi 2,365 pegangan pertanian individu (99.6%) dan 9 pegangan pertanian pertubuhan (0.4%).

9.1.1 Kewarganegaraan

Daripada 2,365 pegangan pertanian individu di Selangor, seramai 2,358 orang atau 99.7 peratus merupakan warganegara, manakala 7 orang (0.3%) lagi terdiri daripada bukan warganegara.


Paparan 29: Pegangan Pertanian Individu bagi Subsektor Perikanan Tangkapan mengikut Kewarganegaraan, Selangor, 2023



9.1.2 Jantina

Pegangan pertanian individu di Selangor didominasi oleh lelaki iaitu 2,341 orang (99.0%) berbanding 24 perempuan (1.0%).


Paparan 30: Pegangan Pertanian Individu bagi Subsektor Perikanan Tangkapan mengikut Jantina, Selangor, 2023



9.1.3 Kumpulan Umur

Seramai 964 orang atau 40.8 peratus daripada pegangan pertanian individu adalah berumur 46 hingga 59 tahun, diikuti oleh kumpulan umur antara 31 hingga 45 tahun merekodkan 641 orang (27.1%), manakala mereka yang berumur 60 tahun dan ke atas pula menyumbang seramai 639 orang (27.0%).


Paparan 31: Pegangan Pertanian Individu bagi Subsektor Perikanan Tangkapan mengikut Kumpulan Umur, Selangor, 2023



9.1.4 Kumpulan Etnik

Majoriti pegangan pertanian individu adalah daripada etnik Bumiputera dengan bilangan seramai 1,378 orang (58.4%), diikuti oleh Cina (851 orang; 36.1%), India (101 orang; 4.3%) dan lain-lain (28 orang; 1.2%).

Paparan 32: Pegangan Pertanian Individu Individu bagi Subsektor Perikanan Tangkapan mengikut Kumpulan Etnik, Selangor, 2023




SUBSEKTOR PERIKANAN TANGKAPAN

9.1.5 Taraf Perkahwinan

Majoriti pegangan pertanian individu terdiri daripada mereka yang telah berkahwin (1,947 orang; 82.3%), diikuti oleh tidak pernah berkahwin (250 orang; 10.6%), balu/duda (143 orang; 6.1%), dan bercerai/berpisah (25 orang; 1.1%).


Paparan 33: Pegangan Pertanian Individu bagi Subsektor Perikanan Tangkapan mengikut Taraf Perkahwinan, Selangor, 2023



9.1.6 Sijil Tertinggi Diperoleh

Seramai 849 orang atau 35.9 peratus pegangan pertanian individu mempunyai sijil pendidikan peringkat rendah, diikuti oleh tiada sijil (742 orang; 31.4%) dan peringkat menengah (737 orang; 31.2%). Pegangan pertanian individu yang mempunyai pendidikan peringkat tertiari pula berjumlah 37 orang (1.6%).


Paparan 34: Pegangan Pertanian Individu bagi Subsektor Perikanan Tangkapan mengikut Sijil Tertinggi Diperoleh, Selangor, 2023



9.2 Kuantiti Pengeluaran

Kuantiti pengeluaran bagi subsektor perikanan tangkapan pada tahun 2023 mencatatkan 106.9 ribu tan metrik. Sebahagian besar pengeluaran ini disumbangkan oleh pegangan pertanian individu sebanyak 105.5 ribu tan metrik bersamaan 98.7 peratus, diikuti oleh pegangan pertanian pertubuhan dengan 1.4 tan metrik (1.3%).


Paparan 35: Kuantiti Pengeluaran Subsektor Perikanan Tangkapan, Selangor, 2023



9.3 Kuantiti dan Nilai Jualan

Secara keseluruhannya, kuantiti jualan bagi subsektor perikanan tangkapan pada tahun 2023 mencatatkan 105.70 ribu tan metrik, manakala nilai jualan bagi subsektor perikanan direkodkan sebanyak RM1.39 bilion.

Paparan 36: Kuantiti dan Nilai Jualan bagi Subsektor Perikanan Tangkapan, Selangor, 2023



SUBSEKTOR PERIKANAN TANGKAPAN

9.4 Parameter Subsektor Perikanan Tangkapan mengikut Daerah Pentadbiran

Dari segi pengagihan pegangan pertanian bagi aktiviti perikanan tangkapan mengikut daerah pentadbiran, Sabak Bernam merekodkan bilangan pegangan pertanian tertinggi iaitu 847 (35.7%), diikuti dengan Klang 728 (30.7%) dan Kuala Langat 408 (17.2%).


Jadual 9: Pegangan Pertanian bagi Subsektor Perikanan Tangkapan mengikut Daerah Pentadbiran, Selangor, 2023

Negeri/ Daerah Pentadbiran	Pegangan Pertanian		Individu		Pertubuhan	
	Bilangan	Peratus (%)	Bilangan	Peratus (%)	Bilangan	Peratus (%)
Selangor	2,365	99.62	2,374	100	9	0.38
Gombak	-	-	-	-	-	-
Klang	728	100.0	728	100	-	-
Kuala Langat	408	100.0	408	100	-	-
Kuala Selangor	297	100.0	297	100	-	-
Petaling	-	-	-	-	-	-
Sabak Bernam	838	98.94	847	100	9	1.06
Sepang	70	100.0	70	100	-	-
Hulu Langat	2	100.0	2	100	-	-
Hulu Selangor	22	100.0	22	100	-	-

Berdasarkan analisis pegangan pertanian individu mengikut jantina bagi aktiviti perikanan tangkapan, Sabak Bernam merekodkan bilangan pegangan pertanian lelaki tertinggi iaitu seramai 834 orang diikuti oleh Klang seramai 720 orang dan Kuala Langat (398 orang). Bagi pegangan pertanian perempuan menunjukkan Kuala Langat merekodkan pegangan pertanian tertinggi sebanyak 10 orang diikuti Klang lapan orang dan Sabak Bernam empat orang.

**SUBSEKTOR
PERIKANAN TANGKAPAN**

Paparan 37: Pegangan Pertanian bagi Subsektor Perikanan Tangkapan mengikut Daerah Pentadbiran, Selangor, 2023





SUBSEKTOR AKUAKULTUR

Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong

SUBSEKTOR AKUAKULTUR

10.0 SUBSEKTOR AKUAKULTUR

10.1 Profil Pegangan Pertanian

Hasil daptan Banci Pertanian 2024 menunjukkan bahawa sebanyak 366 pegangan pertanian bagi subsektor akuakultur direkodkan pada tahun 2023, merangkumi 192 pegangan individu (52.5%) dan 174 pegangan pertubuhan (47.5%).

10.1.1 Kewarganegaraan

Daripada 192 pegangan pertanian di Selangor, seramai 191 orang atau 99.5 peratus merupakan warganegara, manakala seorang (0.5%) terdiri daripada bukan warganegara.

Paparan 38: Pegangan Pertanian Individu bagi Subsektor Akuakultur mengikut Kewarganegaraan, Selangor, 2023



Warganegara
191
(99.5%)




Bukan Warganegara
1
(0.5%)

10.1.2 Jantina

Pegangan pertanian individu bagi subsektor akuakultur di Selangor didominasi oleh lelaki iaitu 180 orang (93.8%) berbanding 12 perempuan (6.2%).

Paparan 39: Pegangan Pertanian Individu bagi Subsektor Akuakultur mengikut Jantina, Selangor, 2023




SUBSEKTOR AKUAKULTUR

10.1.3 Kumpulan Umur

Seramai 52 orang atau 27.1 peratus daripada pegangan pertanian individu bagi subsektor akuakultur adalah berumur 60 tahun dan ke atas, diikuti oleh individu yang berumur 46 hingga 59 tahun (64 orang; 33.3%), 31 hingga 45 tahun (67 orang; 34.9%) dan 15 hingga 30 tahun (9 orang; 4.7%).


Paparan 40: Pegangan Pertanian Individu bagi Subsektor Akuakultur mengikut Kumpulan Umur, Selangor, 2023



10.1.4 Kumpulan Etnik

Majoriti pegangan pertanian individu bagi subsektor akuakultur adalah daripada etnik Bumiputera dengan bilangan seramai 153 orang (80.1%), diikuti oleh Cina (30 orang; 15.7%) dan India (8 orang; 4.2%).

Paparan 41: Pegangan Pertanian Individu bagi Subsektor Akuakultur mengikut Kumpulan Etnik, Selangor, 2023




SUBSEKTOR AKUAKULTUR

10.1.5 Taraf Perkahwinan

Majoriti pegangan pertanian individu bagi subsektor akuakultur terdiri daripada mereka yang telah berkahwin (156 orang; 81.3%), diikuti oleh tidak pernah berkahwin (25 orang; 13.0%) dan balu/duda (11 orang; 5.7%).


Paparan 42: Pegangan Pertanian Individu bagi Subsektor Akuakultur mengikut Taraf Perkahwinan, Selangor, 2023



10.1.6 Sijil Tertinggi Diperoleh

Seramai 114 orang atau 59.4 peratus pegangan pertanian individu bagi subsektor akuakultur mempunyai sijil pendidikan peringkat menengah diikuti oleh pendidikan peringkat tertiar (42 orang; 21.9%) dan peringkat rendah (22 orang; 11.5%). Pegangan pertanian subsektor akuakultur individu yang tiada sijil pula berjumlah 14 orang (7.3%).

Paparan 43: Pegangan Pertanian Individu bagi Subsektor Akuakultur mengikut Sijil Tertinggi Diperoleh, Selangor, 2023




SUBSEKTOR AKUAKULTUR

10.2 Kuantiti Pengeluaran

Kuantiti pengeluaran bagi subsektor akuakultur pada tahun 2023 mencatatkan 16.89 ribu tan metrik dan 372.03 juta ekor. Ikan keli, ikan talapia dan udang harimau merupakan hasil pengeluaran utama bagi aktiviti akuakultur di Selangor.


Paparan 44: Kuantiti Pengeluaran bagi Subsektor Akuakultur, Selangor, 2023



10.3 Kuantiti dan Nilai Jualan

Secara keseluruhannya, kuantiti jualan bagi subsektor akuakultur pada tahun 2023 mencatatkan 14.87 ribu tan metrik dan 257.50 juta ekor. Jumlah nilai jualan bagi subsektor akuakultur bagi kedua-dua kuantiti direkodkan sebanyak RM196.35 juta.

Paparan 45: Kuantiti dan Nilai Jualan bagi Subsektor Akuakultur, Selangor, 2023



SUBSEKTOR AKUAKULTUR


10.4 Parameter Utama Subsektor Akuakultur mengikut Daerah Pentadbiran

Pada tahun 2023, jumlah pegangan pertanian bagi subsektor akuakultur bagi Selangor adalah 366 di mana 192 adalah terdiri daripada individu dan 174 adalah pertubuhan. Daerah yang mencatatkan bilangan pegangan pertanian tertinggi bagi subsektor ini adalah Hulu Langat 67 pegangan (18.3%) diikuti oleh Gombak (60; 16.4%) dan Klang (52; 14.2%).

Jadual 10: Pegangan Pertanian bagi Subsektor Akuakultur mengikut Daerah Pentadbiran, Selangor, 2023

Negeri/ Daerah pentadbiran	Pegangan Pertanian		Individu		Pertubuhan	
	Bilangan	Peratus (%)	Bilangan	Peratus (%)	Bilangan	Peratus (%)
Selangor	366	100.0	192	52.5	174	47.5
Gombak	60	100.0	35	58.3	25	41.7
Klang	52	100.0	26	50.0	26	50.0
Kuala Langat	26	100.0	7	26.9	19	73.1
Kuala Selangor	50	100.0	33	66.0	17	34.0
Petaling	31	100.0	12	38.7	19	61.3
Sabak Bernam	27	100.0	20	74.1	7	25.9
Sepang	8	100.0	5	62.5	3	37.5
Hulu Langat	67	100.0	38	56.7	29	43.3
Hulu Selangor	45	100.0	16	35.6	29	64.4

Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong

The background image shows an aerial perspective of a massive pile of cut tree logs. The logs are stacked in several long, narrow rows, filling most of the frame. They are a mix of light tan, grey, and brown colors, indicating different species and stages of weathering. The ground around the logs is a dark, uneven soil or mulch. In the top right corner, there's a patch of vibrant green vegetation. The entire image is framed by a thick diagonal border. The top half of this border is yellow, while the bottom half is green, creating a layered effect.

SUBSEKTOR PERHUTANAN DAN PEMBALAKAN

Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong

11.0 SUBSEKTOR PERHUTANAN & PEMBALAKAN


11.1 Profil Pegangan Pertanian

Hasil dapatan Banci Pertanian 2024 menunjukkan bahawa sebanyak 451 pegangan pertanian direkodkan pada 2023. Keseluruhan pegangan pertanian di Selangor adalah merupakan warganegara.

11.1.1 Jantina

Pegangan pertanian individu di Selangor didominasi oleh lelaki iaitu 407 orang (90.4%) berbanding 43 perempuan (9.6%).


Paparan 46: Pegangan Pertanian bagi Subsektor Perhutanan & Pembalakan mengikut Jantina, Selangor, 2023



11.1.2 Kumpulan Umur

Seramai 194 orang atau 43.1 peratus daripada pegangan pertanian adalah berumur 31 hingga 45 tahun diikuti oleh individu yang berumur 15 hingga 30 tahun (114 orang; 25.3%), 46 hingga 59 tahun (94 orang; 20.9%) dan individu berumur 60 tahun dan ke atas (48 orang; 10.7%).


Paparan 47: Pegangan Pertanian Individu bagi Subsektor Perhutanan & Pembalakan mengikut Kumpulan Umur, Selangor, 2023



11.1.3 Kumpulan Etnik

Majoriti pegangan pertanian adalah daripada etnik Bumiputera dengan bilangan seramai 448 orang (99.6%) dan diikuti oleh Cina (2 orang; 0.4%),


Paparan 48: Pegangan Pertanian Individu bagi Subsektor Perhutanan & Pembalakan mengikut Kumpulan Etnik, Selangor, 2023



11.1.4 Taraf Perkahwinan

Majoriti pegangan pertanian terdiri daripada mereka yang telah berkahwin (352 orang; 78.2%), diikuti oleh tidak pernah berkahwin (56 orang; 12.4%), balu/duda (38 orang; 8.4%) dan bercerai/berpisah (4 orang; 0.9%).


Paparan 49: Pegangan Pertanian Individu bagi Subsektor Perhutanan & Pembalakan mengikut Taraf Perkahwinan, Selangor, 2023



11.1.5 Sijil Tertinggi Diperoleh

Seramai 256 orang atau 56.9 peratus pegangan pertanian tidak mempunyai sijil, diikuti oleh mempunyai sijil peringkat rendah (154 orang; 34.2%) dan pendidikan peringkat menengah (35 orang; 7.8%). Pegangan pertanian yang mempunyai pendidikan peringkat tertiari pula berjumlah 5 orang (1.1%).

Paparan 50: Pegangan Pertanian Individu bagi Subsektor Perhutanan & Pembalakan mengikut Sijil Tertinggi Diperoleh, Selangor, 2023



11.2 Kuantiti Pengeluaran

Kuantiti pengeluaran bagi subsektor perhutanan dan pembalakan pada tahun 2023 mencatatkan 1.32 juta kilogram.


Paparan 51: Kuantiti Pengeluaran Individu bagi Subsektor Perhutanan & Pembalakan, Selangor, 2023



11.3 Kuantiti dan Nilai Jualan

Secara keseluruhannya, kuantiti jualan bagi subsektor perhutanan dan pembalakan pada tahun 2023 mencatatkan 1.30 juta kilogram, manakala nilai jualan bagi subsektor perhutanan dan pembalakan direkodkan sebanyak RM6.86 juta.

Paparan 52: Kuantiti dan Nilai Jualan Individu bagi Subsektor Perhutanan & Pembalakan, Selangor, 2023





DAERAH PENTADBIRAN



Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong

GOMBAK**12.0 PARAMETER UTAMA PERTANIAN MENGIKUT DAERAH PENTADBIRAN****12.1 Gombak**


Gombak merupakan salah sebuah daerah di negeri Selangor yang mempunyai kepelbagaian dari segi guna tanah meliputi kawasan bandar, pinggir bandar dan luar bandar. Daerah ini mempunyai keluasan tanah 624.9 kilometer persegi dengan kepadatan penduduk 1,545 bagi setiap kilometer persegi pada tahun 2023. Bilangan penduduk di Gombak pada 2023 adalah 966.2 ribu orang. Pentadbiran daerah ini diselaraskan oleh dua pihak berkuasa tempatan iaitu Majlis Perbandaran Selayang di barat dan Majlis Perbandaran Ampang Jaya di timur.

Jadual 10: Bilangan penduduk, Saiz Keluasan Tanah dan Kepadatan Penduduk mengikut Daerah Pentadbiran, Gombak, 2023

Penduduk ('000)	Keluasan tanah (km ²)	Kepadatan penduduk (per km ²)
966.2	624.9	1,545

Walaupun sektor pertanian agak rendah di Gombak dibandingkan dengan daerah lain di Selangor namun masih ada yang terlibat dalam sektor tersebut sebagai pendapatan mereka. Sektor pertanian di Daerah Gombak merangkumi pelbagai subsektor utama seperti tanaman, penternakan dan akuakultur.


Carta 3: Pegangan Pertanian mengikut Subsektor, Gombak, 2023



Bilangan pengusaha bagi subsektor tanaman adalah seramai 1,503 pengusaha diikuti dengan subsektor ternakan (142), subsektor akuakultur (60) dan perhutanan & pembalakan (3). Ini menunjukkan subsektor tanaman merupakan penyumbang utama kepada sektor pertanian di daerah Gombak.

GOMBAK

Paparan 53: Parameter Utama Sektor Pertanian, Gombak, 2023

			
Pegangan pertanian	Luas bertanam (ha)	Luas bertuai (ha)	Nilai jualan (RM juta)
1,652	4,387.30	4,124.68	237.68

Dari segi keluasan, jumlah luas bertanam yang diusahakan adalah sebanyak 4,387.30 hektar, manakala luas bertuai adalah 4,124.68 hektar. Keseluruhan sektor pertanian di Gombak berjaya mencatatkan nilai jualan sebanyak RM237.68 juta. Nilai ini disumbangkan oleh pengusaha individu sebanyak RM31.37 juta manakala pengusaha pertubuhan menyumbang RM206.31 juta.

Di Gombak, kebun komuniti semakin berkembang khususnya di kawasan perbandaran dan pinggir bandar seperti Batu Caves, Hulu Kelang dan Rawang. Pertanian bandar semakin mendapat sambutan susulan daripada peningkatan kos sara hidup, keperihatinan terhadap keterjaminan makanan serta kesedaran terhadap gaya hidup lestari. Sokongan daripada agensi serta penyertaan aktif masyarakat menjadikan pertanian sebagai sebahagian daripada gaya hidup lestari di Gombak.

Jadual 11: Pegangan Pertanian dan Nilai Jualan mengikut Aktiviti Tanaman Utama, Gombak, 2023

Aktiviti	Pegangan Pertanian			Nilai Jualan (RM juta)
	Individu	Pertubuhan	Jumlah	
Kelapa sawit	394	18	412	60.88
Buah-buahan	500	67	567	50.45
Sayur-sayuran	56	72	128	17.05
Tanaman lain	243	55	298	7.51
Nanas	10	20	30	7.51

GOMBAK

Tanaman kelapa sawit merupakan penyumbang utama subsektor tanaman di daerah ini dengan nilai jualan sebanyak RM60.88 juta (412 pegangan pertanian). Aktiviti ini tertumpu di kawasan seperti Sungai Buloh, Kuang dan Rawang.

Gombak merupakan penyumbang terbesar dalam subsektor buah-buahan di negeri Selangor dengan jumlah 567 pegangan pertanian dan nilai jualan RM50.45 juta. Kawasan seperti Batu Arang, Kuang dan Sungai Tua menjadi tumpuan penanaman buah-buahan. Bagi aktiviti penanaman sayur-sayuran pula, terdapat 128 pegangan pertanian dengan nilai jualan mencecah RM17.05 juta.


12.2 Klang

Daerah Klang mempunyai jumlah penduduk yang ketiga tertinggi di Selangor dengan bilangan penduduk seramai 1.13 juta orang pada tahun 2023. Keluasan Klang adalah 622.1 kilometer persegi dan merekodkan kepadatan penduduk 1,788 orang bagi setiap kilometer persegi. Pentadbiran daerah Klang adalah dibawah kawal selia dua pihak berkuasa tempatan iaitu Majlis Bandaraya Diraja Klang (MBDK) dan Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA). MBDK menguruskan kawasan barat daerah Klang, manakala MBSA menguruskan kawasan timur. MBDK telah dinaik taraf menjadi Bandar Raya Diraja pada Julai 2023 dan diisytiharkan sebagai Majlis Bandaraya Diraja Klang pada 5 Februari 2024 menjadikan Klang bandar diraja pertama di Selangor.


Jadual 11: Bilangan Penduduk, Saiz Keluasan Tanah dan Kepadatan Penduduk mengikut Daerah Pentadbiran, Klang, 2023

Penduduk ('000)	Keluasan tanah (km ²)	Kepadatan penduduk (per km ²)
1,134	622.1	1,788

Carta 4 : Pegangan Pertanian mengikut Subsektor, Klang, 2023



Subsektor tanaman mencatatkan bilangan pengusaha tertinggi di daerah Klang dengan sejumlah 2,131 orang pengusaha. Ini diikuti oleh subsektor perikanan yang mempunyai 728 pengusaha, manakala subsektor ternakan merekodkan 368 pengusaha. Sementara itu, subsektor akuakultur mencatatkan bilangan pengusaha yang paling rendah, iaitu seramai 52 orang sahaja.

Paparan 54: Parameter Utama Sektor Pertanian, Klang, 2023

Pegangan pertanian	Luas bertanam (ha)	Luas bertuai (ha)	Nilai jualan (RM juta)
3,256	6,180.76	5,731.99	740.97

Sektor pertanian di Klang telah melibatkan seramai 3,256 orang pengusaha termasuk pertubuhan. Dari segi keluasan, jumlah luas bertanam yang diusahakan adalah sebanyak 6,180.76 hektar, manakala luas bertuai mencatatkan 5,731.99 hektar. Dari sudut nilai jualan, keseluruhan sektor pertanian di Klang mencatatkan nilai jualan sebanyak RM740.97 juta.

Jadual 12: Pegangan Pertanian dan Nilai Jualan mengikut Aktiviti Pertanian Terpilih, Klang, 2023

Aktiviti	Pegangan pertanian			Nilai jualan (RM juta)
	Individu	Pertubuhan	Jumlah	
Kelapa sawit	1,039	85	1,124	81.28
Getah	278	2	280	2.68
Nanas	32	5	37	3.01
Buah-buahan	156	23	179	10.37
Sayur-sayuran	353	33	386	192.46
Tanaman lain	182	13	195	4.90
Ternakan	308	60	368	75.97
Perikanan tangkapan	728	-	728	350.08
Akuakultur	26	26	52	20.20

Pada tahun 2023, Klang mencatatkan penglibatan pengusaha pertanian yang aktif dalam pelbagai subsektor pertanian. Bagi subsektor tanaman, kelapa sawit merekodkan bilangan pengusaha tertinggi dengan 1,124 pegangan (1,039 individu; 85 pertubuhan) diikuti oleh sayur-sayuran dengan 386 pegangan (353 individu; 33 pertubuhan) dan getah dengan jumlah pegangan 280.

KLANG

Bagi subsektor tanaman, sayur-sayuran merekodkan nilai jualan tertinggi iaitu sebanyak RM192.46 juta diikuti oleh kelapa sawit RM81.28 juta dan buah-buahan RM10.37 juta. Aktiviti tanaman lain dan getah masing-masing mencatatkan nilai jualan sebanyak RM4.90 juta dan RM2.68 juta.

Bagi subsektor selain tanaman, perikanan tangkapan merekodkan bilangan pegangan pertanian dan nilai jualan tertinggi iaitu masing-masing 728 pegangan pertanian dan RM350.08 juta. Subsektor ternakan pula mencatatkan bilangan pegangan pertanian sebanyak 368 pengusaha dan nilai jualan RM75.97 juta. Sementara itu, subsektor akuakultur merekodkan 52 pegangan pertanian dan nilai jualan RM20.20 juta.

Secara keseluruhannya, data ini menunjukkan bahawa sektor pertanian di daerah Klang kekal dinamik dengan sumbangan ketara daripada subsektor tanaman dan perikanan tangkapan, sekaligus menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi setempat.

KUALA LANGAT

12.3 Kuala Langat

Daerah Kuala Langat mencatatkan jumlah penduduk seramai 320.7 ribu orang pada tahun 2023 dengan keluasan hanya 849.4 kilometer persegi. Kuala Langat merekodkan kepadatan penduduk 375 orang bagi setiap kilometer persegi. Kuala Langat bersempadan dengan daerah Klang dan Petaling di utara, serta daerah Sepang di timur. Bahagian barat Kuala Langat bersempadan dengan Selat Melaka. Antara bandar utama di daerah ini termasuklah Banting, Jugra, Teluk Datok, Morib dan Pulau Carey.

Jadual 13 : Bilangan Penduduk, Saiz Keluasan Tanah dan Kepadatan Penduduk mengikut Daerah Pentadbiran, Kuala Langat, 2023

Penduduk ('000)	Keluasan tanah (km ²)	Kepadatan penduduk (per km ²)
320.7	849.4	375

Sektor pertanian di Kuala Langat dapat dilihat sedang berkembang pesat di mana peralihan yang positif dari tanaman komoditi kepada pendekatan berbilang produk dengan nilai tambah yang tinggi dan berasaskan teknologi yang tinggi. Terdapat seramai 4,886 orang pengusaha yang terdiri daripada 4,707 pengusaha individu dan 179 pengusaha pertubuhan yang melibatkan diri dalam sektor tersebut.

Dari segi keluasan, jumlah luas bertanam yang diusahakan adalah sebanyak 25,661.65 hektar, manakala luas bertuai mencatatkan 23,607.28 hektar. Pengusaha individu menyumbang 6,709.01 hektar luas bertanam dan 6,443.50 hektar luas bertuai, sementara pengusaha pertubuhan mengusahakan kawasan yang lebih besar dengan 18,952.65 hektar luas bertanam dan 17,163.76 hektar luas bertuai. Dari sudut nilai jualan, keseluruhan sektor pertanian di Kuala Langat mencatatkan nilai jualan sebanyak RM1.27 bilion. Nilai ini disumbangkan oleh pengusaha individu RM565.75 juta manakala pengusaha pertubuhan menyumbang RM706.94 juta.

KUALA LANGAT

Paparan 55: Parameter Utama Sektor Pertanian, Kuala Langat, 2023



Parameter	Pegangan pertanian	Luas bertanam ('000 ha)	Luas bertuai ('000 ha)	Nilai jualan (RM juta)
Jumlah	5,713	25.67	23.61	1,272.68
Individu	5,471	6.71	6.44	565.75
Pertubuhan	242	18.95	17.16	706.94

Kebanyakan pengusaha pertanian di Daerah Kuala Langat terdiri daripada mereka yang mengusahakan kelapa sawit, buah-buahan dan sayur-sayuran.

Jadual 14: Pegangan Pertanian dan Nilai Jualan mengikut Aktiviti Pertanian, Kuala Langat, 2023

Aktiviti	Pegangan pertanian			Nilai jualan (RM juta)
	Individu	Pertubuhan	Jumlah	
Buah-buahan	65	21	86	37.93
Getah	144	-	144	0.10
Padi	7	-	7	-
Kelapa sawit	4,271	124	4,395	444.77
Nanas	36	2	38	18.99
Koko	5	-	5	0.001
Sayur-sayuran	145	17	162	28.67
Tanaman lain	88	17	105	16.23
Ternakan	381	48	429	482.75
Perikanan	415	19	434	204.70

Tiga aktiviti utama yang mencatatkan pegangan pertanian tertinggi ialah kelapa sawit, perikanan tangkapan dan ternakan. Tanaman kelapa sawit mencatatkan jumlah tertinggi dengan 4,395 pengusaha terdiri daripada 4,271 pengusaha individu dan 124 pengusaha pertubuhan, diikuti oleh subsektor perikanan (434 pengusaha) dan ternakan (429 pengusaha). Kelapa sawit diberi keutamaan di Kuala Langat kerana di daerah ini terdapat kawasan tanah yang datar serta beralun yang luas dipenuhi dengan jenis tanah gambut dan tanah aluvium yang sangat sesuai bagi aktiviti penanaman kelapa sawit.

KUALA SELANGOR

12.4 Kuala Selangor


Daerah Kuala Selangor terletak di bahagian barat laut Negeri Selangor dan merupakan antara daerah yang luas, dengan keluasan sekitar 1,187.1 kilometer persegi dan mencatatkan bilangan penduduk seramai 293.2 ribu orang pada tahun 2023. Keunikan daerah ini bukan sahaja terletak pada keluasan dan kepelbagaian aktiviti ekonominya, tetapi juga pada bentuk muka buminya yang pelbagai. Ciri-ciri fizikal memainkan peranan penting dalam menentukan jenis dan lokasi aktiviti ekonomi yang dijalankan oleh penduduk setempat.

Jadual 15: Bilangan Penduduk, Saiz Keluasan Tanah dan Kepadatan Penduduk mengikut Daerah Pentadbiran, Kuala Selangor, 2023

Penduduk ('000)	Keluasan tanah (km ²)	Kepadatan penduduk (per km ²)
293.2	1,187.1	247

Secara umum, bentuk muka bumi Kuala Selangor terdiri daripada dataran rendah yang luas, terutama di kawasan tengah dan barat daerah. Kawasan seperti Tanjung Karang dan Sekinchan merupakan dataran aluvium yang rata dan subur menjadikannya sesuai untuk aktiviti pertanian padi secara besar-besaran. Selain pertanian, kawasan pesisir pantai seperti di sekitar Pasir Penambang, Sungai Kajang dan Jeram pula menyokong aktiviti perikanan dan akuakultur. Di kawasan pedalaman seperti Ijok dan Bestari Jaya, bentuk muka bumi juga sedikit berbukit digunakan secara meluas untuk aktiviti perladangan kelapa sawit dan getah.


Carta 6 : Pegangan Pertanian mengikut Subsektor, Kuala Selangor, 2023



Bilangan pengusaha bagi subsektor tanaman adalah seramai 6,655 pengusaha diikuti dengan subsektor ternakan seramai 314 pengusaha serta 297 pengusaha bagi subsektor perikanan. Ini menunjukkan subsektor tanaman merupakan penyumbang utama kepada sektor pertanian di daerah Kuala Selangor

KUALA SELANGOR

Paparan 56: Parameter Utama Sektor Pertanian, Kuala Selangor, 2023

			
Pegangan pertanian	Luas bertanam (ha)	Luas bertuai (ha)	Nilai jualan (RM bilion)
7,249	38,526.93	35,641.44	2.41

Sektor pertanian telah melibatkan seramai 7,249 pengusaha termasuk pertubuhan di daerah Kuala Selangor. Jumlah keluasan bertanam mencatatkan keluasan 38,526.93 hektar manakala keluasan bertuai adalah seluas 35,641.44 hektar. Melalui aktiviti pertanian yang dijalankan pada tahun 2023, nilai jualan yang berjaya direkodkan mencecah RM2.41 bilion.

Jadual 15: Pegangan Pertanian dan Nilai jualan mengikut aktiviti Pertanian Terpilih, Kuala Selangor, 2023

Aktiviti	Pegangan pertanian			Nilai jualan (RM juta)
	Individu	Pertubuhan	Jumlah	
Ternakan	285	29	314	1,635.96
Kelapa Sawit	4,144	79	4,223	491.04
Padi	1,841	2	1,843	139.51
Perikanan Tangkapan	297	-	297	78.36
Akuakultur	33	17	50	24.14

Berdasarkan hasil dapatan Banci Pertanian, aktiviti penternakan mencatatkan nilai jualan tertinggi iaitu sebanyak RM1,635.96 juta, manakala aktiviti kelapa sawit mencatatkan nilai jualan sebanyak RM491.04 juta serta diikuti oleh penanaman padi yang menyumbang sebanyak RM139.51 juta.

Dalam subsektor tanaman di Kuala Selangor, aktiviti penanaman kelapa sawit menjadi penyumbang utama selain daripada aktiviti penanaman padi. Tanaman lain seperti pisang juga turut diusahakan di daerah ini.

Secara keseluruhannya, data ini menggambarkan bahawa Kuala Selangor mempunyai kepelbagaian dalam aktiviti pertanian. Kepelbagaian ini adalah disebabkan oleh bentuk geografi kawasan tersebut yang membolehkan kepelbagaian aktiviti dijalankan. Aktiviti-aktiviti berikut menjadi asas kukuh kepada ekonomi tempatan serta peluang pembangunan yang lebih meluas dalam sektor agromakanan.

PETALING**12.5 Petaling**


Daerah Petaling mempunyai jumlah penduduk yang tertinggi di Selangor iaitu seramai 2.33 juta orang pada tahun 2023. Keluasan Petaling adalah 496.9 kilometer persegi dan merekodkan kepadatan penduduk 4,784 orang bagi setiap kilometer persegi. Kepadatan penduduk yang tinggi mencerminkan Petaling sebagai sebuah kawasan bandar yang pesat membangun di samping kewujudan ibu negeri Selangor, Shah Alam serta pelbagai pusat pentadbiran dan pembangunan ekonomi. Pentadbiran daerah ini diselaraskan oleh tiga Pihak Berkuasa Tempatan iaitu Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA), Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) dan Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ) yang memainkan peranan penting dalam mengurus pembangunan dan kesejahteraan penduduknya.

Jadual 15: Bilangan Penduduk, Saiz Keluasan Tanah dan Kepadatan Penduduk mengikut Daerah Pentadbiran, Petaling, 2023

Penduduk ('000)	Keluasan tanah (km ²)	Kepadatan penduduk (per km ²)
2,334.7	496.9	4,784

Walaupun sektor pertanian agak rendah di Petaling dibandingkan dengan daerah lain di Selangor namun masih ada yang terlibat dalam sektor tersebut sebagai pendapatan mereka. Terdapat seramai 1,880 orang pengusaha yang terdiri daripada 1,613 pengusaha individu dan 267 pengusaha pertubuhan yang melibatkan diri dalam sektor tersebut.

Paparan 57: Parameter Utama Sektor Pertanian, Petaling, 2023

			
Pegangan pertanian	Luas bertanam (ha)	Luas bertuai (ha)	Nilai jualan (RM juta)
1,880	547.14	516.81	86.83

PETALING

Jumlah luas bertanam yang diusahakan adalah sebanyak 547.14 hektar, manakala luas bertuai mencatatkan 516.81 hektar. Dari sudut nilai jualan, keseluruhan sektor pertanian di Petaling mencatatkan nilai jualan sebanyak RM86.83 juta.

Kebanyakan pengusaha pertanian di Petaling terdiri daripada mereka yang mengusahakan kebun komuniti. Kebun komuniti ini lazimnya diusahakan secara berkelompok dengan sokongan pihak berkuasa tempatan. Kebun-kebun ini diusahakan di kawasan lapang seperti tanah rizab, taman rekreasi dan kawasan perumahan. Antara tanaman utama yang diusahakan termasuk sayur-sayuran, herba, buah-buahan dan bunga-bungaan.

Jadual 16: Pegangan Pertanian mengikut Aktiviti, Petaling, 2023

Aktiviti	Pegangan Pertanian		
	Individu	Pertubuhan	Jumlah
Akuakultur	12	19	31
Buah-Buahan	88	49	137
Getah	505	3	508
Kelapa Sawit	862	62	924
Nanas	7	6	13
Koko	-	1	1
Sayur-Sayuran	118	107	225
Tanaman Lain	61	22	83
Ternakan	26	28	54

Tiga aktiviti utama yang mencatatkan bilangan pengusaha tertinggi ialah kelapa sawit, getah dan sayur-sayuran. Aktiviti penanaman kelapa sawit mencatatkan jumlah tertinggi dengan 924 pengusaha, terdiri daripada 862 pengusaha individu dan 62 pengusaha pertubuhan, diikuti oleh aktiviti penanaman getah 508 pengusaha dan sayur-sayuran 225 pengusaha. Keaktifan komuniti dalam mengusahakan pelbagai jenis tanaman, khususnya melalui kebun komuniti, mencerminkan kepelbagaian dan perkembangan pesat sektor pertanian di Petaling meskipun kawasan ini berstatus bandar.

SABAK BERNAM**12.6 Sabak Bernam**

Sabak Bernam terletak di bahagian barat laut negeri Selangor dan meliputi keluasan 991.6 kilometer persegi. Daerah ini bersempadan dengan Kuala Selangor di selatan dan Hulu Selangor di timur, manakala di utara pula daerah ini berkongsi sempadan dengan Bagan Datuk dan Muallim di Negeri Perak. Jumlah penduduk Sabak Bernam pada tahun 2023 dianggarkan seramai 109,200 orang dengan kadar pertumbuhan tahunan sebanyak 1.2 peratus dengan kepadatan penduduk 108 orang bagi setiap kilometer persegi.

Kedudukan geografi dan persekitaran fizikal Sabak Bernam memberikan kelebihan strategik menjadikannya antara penyumbang utama kepada jaminan bekalan makanan bagi Selangor dan kawasan Lembah Klang. Dikenali sebagai kawasan luar bandar yang masih mengekalkan ciri-ciri semula jadi dan tradisi masyarakat kampung, ekonomi Sabak Bernam banyak bergantung kepada sektor pertanian yang menjadi tunjang utama pembangunan daerah ini.


Jadual 17 : Bilangan Penduduk, Saiz Keluasan Tanah dan Kepadatan Penduduk mengikut Daerah Pentadbiran, Sabak Bernam 2023

Penduduk ('000)	Keluasan tanah (km ²)	Kepadatan penduduk (per km ²)
109.2	991.6	108

Hasil dapatan Banci Pertanian 2024, Sabak Bernam mempunyai bilangan pegangan pertanian tertinggi di Selangor iaitu 9,296 (25.0%) yang merangkumi 9,197 pegangan pertanian individu dan 99 pegangan pertanian pertubuhan. Jumlah keluasan bertanam pada tahun 2023 adalah seluas 44,122.79 hektar manakala jumlah keluasan bertuai merekodkan 43,285.51 hektar di Sabak Bernam. Nilai jualan bagi aktiviti pertanian Sabak Bernam direkodkan sebanyak RM1.64 billion.

SABAK BERNAM**Paparan 58: Parameter Utama Sektor Pertanian, Sabak Bernam, 2023**

			
Pegangan pertanian	Luas bertanam (ha)	Luas bertuai (ha)	Nilai jualan (RM bilion)
9,296	44,122.79	43,285.51	1.64

Carta 7 : Pegangan Pertanian mengikut Subsektor, Sabak Bernam, 2023

Bilangan pengusaha bagi subsektor tanaman adalah seramai 8,265 orang diikuti dengan subsektor perikanan tangkapan seramai 847 pengusaha serta 261 pengusaha bagi subsektor ternakan di Sabak Bernam. Ini menunjukkan subsektor tanaman merupakan penyumbang utama kepada sektor pertanian Sabak Bernam.

Sebanyak 98.9% pengusaha menjalankan aktiviti pertanian secara individu, manakala selebihnya iaitu 1.1% melalui pertubuhan. Dari jumlah pengusaha individu tersebut, 81.4% adalah lelaki, manakala 18.6% adalah perempuan. Kebanyakan pengusaha wanita terlibat dalam tanaman kelapa sawit dan padi. Bagi pengusaha yang memiliki pertubuhan, sebanyak 68.7% pertubuhan menjalankan aktiviti tanaman.

Jadual 18: Pegangan Pertanian dan Nilai Jualan mengikut aktiviti tanaman terpilih di Sabak Bernam, 2023

Aktiviti	Pegangan pertanian			Nilai jualan (RM juta)
	Individu	Pertubuhan	Jumlah	
Padi	5,243	4	5,247	220.10
Kelapa sawit	2,184	32	2,216	144.67
Tanaman lain	812	15	827	269.02

SABAK BERNAM

Daerah Sabak Bernam mencatatkan prestasi tertinggi untuk tanaman padi di Selangor dengan jumlah bilangan pengusaha seramai 5,243 individu dan empat pertubuhan dengan keluasan bertanam sebanyak 24,074.97 hektar. Ia turut merekodkan kuantiti pengeluaran sebanyak 134,195.36 tan metrik dan nilai jualan tertinggi mencecah RM219.92 juta.

Bagi tanaman kelapa sawit pula, bilangan pengusaha direkodkan seramai 2,184 individu dan 32 pertubuhan. Sabak Bernam mempunyai bilangan pengusaha tertinggi bagi tanaman lain di Selangor iaitu 827 pengusaha (40.0%). Dari segi nilai jualan, tanaman lain terutama kelapa mencatakan nilai jualan tertinggi iaitu RM269.02 juta diikuti oleh penanaman padi sebanyak RM220.10 juta dan tanaman kelapa sawit sebanyak RM144.67 juta.

Paparan 59: Parameter Utama Subsektor Perikanan Tangkapan Sabak Bernam, 2023



Pegangan pertanian	Kuantiti Pengeluaran (mt)	Kuantiti Jualan (mt)	Nilai jualan (RM juta)
847	65,362.07	64,613.06	707.62

Sabak Bernam merupakan penyumbang tertinggi bagi subsektor perikanan tangkapan di Selangor di mana merangkumi seramai 838 individu dan sembilan pertubuhan. Keseluruhan jumlah pengeluaran aktiviti perikanan tangkapan di Sabak Bernam merekodkan sebanyak 65,362 tan metrik manakala jumlah kuantiti jualan adalah sebanyak 64,613 tan metrik. Nilai jualan aktiviti ini mencatatkan sebanyak RM707.62 juta pada tahun 2023. Majoriti penyumbang kepada aktiviti perikanan tangkapan di Sabak Bernam terdiri daripada kumpulan umur 46 tahun ke atas (66.7%).

SABAK BERNAM

Bagi subsektor akuakultur, Sabak Bernam merupakan salah satu antara lima daerah pentabiran tertinggi bagi kuantiti pengeluaran akuakultur baka & benih di Malaysia iaitu sebanyak 150.0 juta ekor pada tahun 2023. Seramai 27 pegangan pertanian terlibat dalam subsektor ini di Sabak Bernam. Subsektor ternakan juga menyumbang kepada pertanian Sabak Bernam dimana jumlah nilai jualan dicatatkan sebanyak RM231.60 juta. Penternak seramai 261 orang direkodkan pada tahun 2023.

Sabak Bernam ialah salah satu kluster agropertanian terpenting di Selangor, di mana perancangan ke arah menjadikannya Kota Agropolitan merupakan satu inisiatif strategik yang menekankan pembangunan menyeluruh daerah ini sebagai hab pertanian moden yang lestari, mampan dan berdaya saing. Usaha ini turut bertujuan untuk memperkuuh peranan Sabak Bernam sebagai pusat utama pengeluaran makanan dan industri asas tani bagi Negeri Selangor.

12.6 Sepang

Sepang merupakan daerah paling selatan di Selangor. Ia bersempadan dengan Nilai, Negeri Sembilan, Hulu Langat, Petaling dan Kuala Langat. Sepang terdiri daripada tiga mukim iaitu Dengkil, Sepang dan Labu. Jumlah keluasan daerah Sepang adalah 550 kilometer persegi (km^2).

Sepang mencapai taraf daerah penuh pada Januari 1975. Seterusnya pada November 2002, Sepang mencapai taraf perbandaran dan ditadbir oleh Majlis Perbandaran Sepang pada 2005. Sepang menempatkan beberapa lokasi ikonik seperti Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA), Litar F1 Sepang dan Cyberjaya. Jumlah penduduk Sepang pada tahun 2023 adalah seramai 339,200 orang dengan kepadatan 613 orang setiap kilometer persegi.

Jadual 19: Bilangan Penduduk, Saiz Keluasan Tanah Dan Kepadatan Penduduk mengikut Daerah Pentadbiran, Sepang, 2023

Penduduk ('000)	Keluasan tanah (km^2)	Kepadatan penduduk (per km^2)
339.2	550.0	613

Kelapa sawit merupakan tanaman yang paling banyak ditanam di Sepang. Berdasarkan Banci Pertanian 2024, terdapat 1,795 pegangan pertanian yang menanam kelapa sawit dengan 96.3 peratus merupakan individu pertanian dan selebihnya merupakan pertubuhan pertanian. Ini diikuti oleh tanaman sayur-sayuran dengan 206 pegangan pertanian (91.3 peratus individu dan 8.7 peratus pertubuhan) serta tanaman getah dengan 266 individu pertanian yang diusahakan oleh 100 peratus individu pertanian. Bagi tanaman buah-buahan pula diusahakan oleh 155 pegangan pertanian (90.64 peratus individu pertanian dan 9.36 peratus pertubuhan).

SEPANG

Aktiviti ternakan pula diusahakan oleh 125 pegangan pertanian dengan 84.0 peratus terdiri daripada individu pertanian dan 16.0 peratus adalah pertubuhan pertanian. Aktiviti ini tertumpu di kawasan Taman Kekal Pengeluaran Makanan Belangan, Sepang.

Aktiviti perikanan tertumpu di Mukim Sepang terutama di Bagan Lalang dengan wujudnya jeti-jeti pendaratan ikan seperti Sepang Besar, Sepang Kecil, Tanjung Mas dan Tanjung Rhu. Berdasarkan Banci Pertanian 2024, terdapat 70 nelayan yang terdiri daripada individu pertanian di Sepang.

Jadual 20: Pegangan Pertanian mengikut Aktiviti Pertanian Terpilih, Sepang, 2023

Aktiviti	Pegangan pertanian		
	Individu	Pertubuhan	Jumlah
Buah-buahan	155	16	171
Getah	266	0	266
Kelapa sawit	1,795	70	1,865
Nanas	10	4	14
Sayur-sayuran	188	18	206
Tanaman lain	37	6	43
Ternakan	105	20	125
Perikanan	70	0	70
Akuakultur	5	3	8
Perhutanan & pembalakan	-	1	1

Tanaman yang memberikan nilai jualan tertinggi di Sepang adalah kelapa sawit dengan RM 360.3 juta hasil daripada 17,333.95 hektar kawasan tuaian. Tanaman dengan nilai jualan kedua tertinggi ialah buah-buahan iaitu RM 80.18 juta hasil daripada 504.74 hektar kawasan tuaian, diikuti oleh sayur-sayuran dengan nilai jualan RM21.15 juta

(280.47 hektar kawasan tuaian) dan nanas dengan nilai jualan RM5.22 juta (40.58 hektar kawasan tuaian). Nilai jualan getah adalah yang terendah iaitu RM0.56 juta walaupun kawasan bertuai bagi getah (123.2 hektar) melebihi keluasan bertuai nanas (40.58 hektar).

Jadual 21: Parameter Utama mengikut Aktiviti, Sepang, 2023

Tanaman	Jumlah keluasan bertuai	Jumlah nilai jualan (RM '000)
Buah-buahan	504.74	80,186.92
Getah	123.20	562.77
Kelapa sawit	17,333.95	360,274.99
Nanas	40.58	5,218.65
Sayur-sayuran	280.47	21,151.07
Tanaman lain*	46.27	1,293.81
Ternakan	-	30,684.051
Perikanan Tangkapan	-	42,373.21
Perikanan Akuakultur	-	3,909.65
Perhutanan & Pembalakan	-	14.00

Subsektor perikanan tangkapan, ternakan dan akuakultur masing-masing hanya menyumbang RM42.37 juta, RM30.69 juta dan RM0.39 juta kepada keseluruhan jualan pertanian di Sepang (RM545.67 juta).

HULU LANGAT

12.8 Hulu Langat


Daerah Hulu Langat terletak di bahagian tenggara negeri Selangor dan bersempadan dengan beberapa negeri iaitu Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Negeri Sembilan dan Pahang. Keluasan Hulu Langat adalah 835.5 kilometer persegi merupakan antara daerah terbesar di Selangor. Daerah ini memainkan peranan penting dalam pembangunan negeri, khususnya sebagai sebahagian daripada kawasan Lembah Klang yang pesat membangun.

Pada tahun 2023, jumlah penduduk Hulu Langat dianggarkan mencecah 1.5 juta orang menjadikannya antara daerah yang paling padat di Selangor dengan kepadatan penduduk adalah 1,751 orang bagi setiap kilometer persegi. Majoriti penduduknya iaitu hampir 98 peratus, menetap di kawasan bandar, manakala selebihnya tinggal di kawasan luar bandar. Ini mencerminkan tahap urbanisasi yang sangat tinggi dan memperlihatkan ciri sebuah daerah yang moden dan pesat membangun.

Jadual 22: Bilangan penduduk, saiz keluasan tanah dan kepadatan penduduk mengikut daerah pentadbiran, Hulu Langat 2023

Penduduk ('000)	Keluasan tanah (km ²)	Kepadatan penduduk (per km ²)
1,460.3	835.5	1,751

Carta 8 : Pegangan Pertanian mengikut Subsektor, Hulu Langat, 2023



Pemegang Pertanian bagi subsektor tanaman adalah seramai 1,901 pengusaha diikuti dengan subsektor perhutanan & pembalakan seramai 379 pengusaha serta 237 pengusaha bagi subsektor ternakan. Ini menunjukkan subsektor tanaman merupakan penyumbang utama kepada sektor pertanian di Hulu Langat.

HULU LANGAT

Hasil daripada Banci Pertanian 2024, mendapati bahawa daerah Hulu Langat mempunyai 2,549 pengusaha pertanian yang aktif. Daripada jumlah ini, sebahagian besar terdiri daripada pengusaha individu seramai 2,412 orang (94.6%), manakala 137 pengusaha (5.4%) beroperasi melalui pertubuhan. Ini menunjukkan penyertaan yang tinggi daripada komuniti tempatan dalam menggerakkan sektor pertanian secara langsung.

Paparan 60: Pegangan Pertanian bagi Subsektor Tanaman, Hulu Langat, Selangor, 2023




Pegangan Pertanian	Individu	Pertubuhan
2,549	2,412	137

Secara keseluruhannya keluasan bertanam bagi daerah Hulu Langat adalah 3,601.12 hektar daripada jumlah tersebut, 3,159.26 hektar atau 87.7 peratus telah dituai menandakan tahap produktiviti yang tinggi dalam penggunaan tanah pertanian.

Kelapa sawit merupakan tanaman utama yang ditanam di daerah Hulu Langat dengan keluasan bertanam adalah 1,786.24 hektar atau 49.6 peratus daripada jumlah keseluruhan keluasan bertanam di daerah Hulu Langat dengan luas bertuai adalah 1,682.22 hektar.

Carta 9: Keluasan Bertanam dan Bertuai bagi Tanaman, Hulu Langat, Selangor, 2023



HULU LANGAT

Berdasarkan Banci Pertanian 2024, sektor perhutanan & pembalakan Selangor disumbangkan oleh daerah Hulu Langat yang muncul sebagai penyumbang utama dalam sektor ini. Seramai 451 pengusaha perhutanan & pembalakan yang direkodkan di seluruh Selangor daripada jumlah tersebut seramai 379 pengusaha atau 84.0 peratus adalah beroperasi di Hulu Langat. Ini menjadikan daerah ini sebagai pusat utama aktiviti perhutanan negeri, dengan penglibatan pengusaha yang sangat tinggi berbanding daerah lain.

Dari segi pengeluaran bagi subsektor perhutanan & pembalakan, Hulu Langat mencatatkan kuantiti pengeluaran sebanyak 1,126.01 ribu kilogram, manakala kuantiti jualan pula adalah 1,121.09 ribu kilogram dan jumlah ini telah menjana pendapatan sekitar RM5.04 juta.

Paparan 61: Parameter Utama bagi Subsektor Perhutanan & Pembalakan, Hulu Langat, Selangor, 2023

Pegangan pertanian	Kuantiti pengeluaran (ribu kilogram)	Kuantiti jualan (ribu kilogram)	Nilai jualan (RM juta)
			
379	1,126.01	1,121.09	5.04

HULU SELANGOR

12.6 Hulu Selangor

Daerah Hulu Selangor merupakan salah sebuah daerah yang terletak di utara Selangor. Dari sudut geografi, daerah ini berada di utara Lembah Klang dengan keluasan 1,750.2 kilometer persegi dan mencatatkan seramai 252 ribu orang pada 2023. Hulu Selangor juga merekodkan kepadatan penduduk 144 orang bagi setiap kilometer persegi. Daerah ini mempunyai sebanyak 13 mukim yang ditadbir oleh Majlis Perbandaran Hulu Selangor (MPHS).

Jadual 23: Bilangan Penduduk, Saiz Keluasan Tanah dan Kepadatan Penduduk mengikut Daerah Pentadbiran, Hulu Selangor, 2023

Penduduk ('000)	Keluasan tanah (km ²)	Kepadatan penduduk (per km ²)
252.2	1,750.2	144

Daerah Hulu Selangor merupakan salah satu penyumbang yang terbesar dalam sektor pertanian di negeri Selangor. Terdapat seramai 2,831 orang pengusaha yang terdiri daripada 2,667 pengusaha individu dan 164 pengusaha pertubuhan yang terlibat dalam sektor ini. Dari segi keluasan pula, jumlah luas bertanam yang diusahakan adalah sebanyak 30,457.65 hektar dan luas bertuai mencatatkan 25,269.85 hektar. Dari sudut nilai jualan, keseluruhan sektor pertanian di Hulu Selangor mencatatkan nilai jualan sebanyak RM1.23 billion. Nilai ini disumbangkan oleh pengusaha individu dan juga pengusaha pertubuhan.

Paparan 62: Parameter Utama Sektor Pertanian, Hulu Selangor, 2023

Pegangan pertanian	Luas bertanam (ha)	Luas bertuai (ha)	Nilai jualan (RM juta)
2,831	30,457.65	25,269.85	1,230.88

HULU SELANGOR

Sebahagian besar pengusaha pertanian di Hulu Selangor sebahagian besarnya terdiri daripada peserta RISDA, FELCRA, FELDA, dan juga komuniti Orang Asli. Sebagai makluman tambahan, Hulu Selangor merupakan kawasan FELDA terbesar di Selangor berada di Hulu Selangor, merangkumi empat rancangan FELDA utama iaitu FELDA Gedangsa, FELDA Soeharto, FELDA Sungai Tengi, dan FELDA Sungai Tengi Selatan. Selain itu, Hulu Selangor juga mempunyai 16 buah perkampungan Orang Asli yang menjadikannya sebagai daerah yang mempunyai komuniti Orang Asli terbesar di Selangor.

Jadual 23: Pegangan Pertanian mengikut Aktiviti Pertanian Terpilih, Hulu Selangor, 2023

Aktiviti	Pegangan pertanian		
	Individu	Pertubuhan	Jumlah
Getah	1,448	2	1,450
Kelapa Sawit	649	59	708
Buah-Buahan	343	24	367
Ternakan	243	25	268
Sayur-Sayuran	68	40	108
Tanaman Lain	83	14	97
Akuakultur	16	29	45
Perikanan Tangkapan	22	-	22
Nanas	8	4	12
Padi	3	-	3
Koko	2	-	2
Lada	1	-	1

Hasil dapatan Banci Pertanian 2024, struktur pengusahaan pertanian di Hulu Selangor tertumpu kepada tiga aktiviti utama iaitu penanaman getah, kelapa sawit dan tanaman buah-buahan. Aktiviti penanaman getah mencatatkan jumlah pegangan pertanian tertinggi iaitu 1,450 diikuti kelapa sawit dengan 708 pengusaha dan buah-buahan dengan 367 pengusaha.

Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong

Amirul Aiman Hamsuddin - September 24, 2023

Sungai Besar: Jabatan Persekutuan merangka polisian pelbagai pihak berkepentingan.

Menyelak rangka pensampelan pegangan pertanian untuk survei pertanian masa hadapan.

KANCIL PERTANIAN 2024 AGENDA NASIONAL

EKO SISTEM PERTANIAN

- Ketajamanan makanan
- Pembudidayaan sektor pertanian
- Pemerksaan petani berskala kecil

PENANDA ARAS BAGI STATISTIK PERTANIAN

- Ciri-ciri demografi pertanian
- Jumlah pengeluaran
- Keluasan tanah dan lokasi
- Bilangan pegangan pertanian

PENANDA ARAS BAGI STATISTIK UTAMA

- Kadar Sisa Habis (SSH)
- Kadar Keberangungan Import (IDI)
- Penggunaan per Kapita (POC)
- Food Balance Sheet (PBS)
- Kadar pengurusan tanah
- Kadar pengurusan air
- Statistik pertanian berikutan alam sekitar

RMKe-12

2

Dasar Agromakanan Negara 2.0
2021- 2030

3

Dasar Agrikomoditi Negara
2021- 2030

Ketua Perang!
56,197 kediaman

Katanya, pencapaian tertinggi

"Perkara ini diperoleh dengan kerjasama pengusaha dan agensi tempatan.

Projek PROSPEK guna data bancu pertanian kenal pasti ternakan

Maidunazit
dipertahankan
perancangan
masa depan



RENCANA

Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong

Perkembangan Tanaman Getah di Selangor: Cabaran dan Strategi

Jay Purani a/p Arumugam

1.0 Pengenalan


Sektor pertanian memainkan peranan yang penting dalam ekonomi Malaysia. Pada tahun 2024, sektor ini menyumbang 8.1 peratus kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK). Meskipun peratusan ini lebih kecil berbanding sektor perkhidmatan dan pembuatan, sektor pertanian tetap signifikan sebagai penyumbang kepada pendapatan eksport dan pembekal utama makanan serta bahan mentah kepada industri berdasarkan sumber. (DOSM, 2024)

Antara subsektor utama dalam sektor pertanian ialah tanaman getah yang suatu ketika dahulu menjadi tunjang ekonomi negara dan penyumbang utama kepada hasil eksport Malaysia. Walaupun sumbangan tanaman getah kepada KDNK mencatatkan trend penurunan sepanjang tempoh 2015 hingga 2023 daripada 0.3 peratus kepada hanya 0.1 peratus, namun pengeluaran getah Malaysia pada tahun 2024 meningkat sebanyak 8.8 peratus kepada 575.3 ribu tan metrik, berbanding 528.90 ribu tan metrik pada tahun 2023. (Majlis Getah, 2024)


2.0 Penemuan Banci Pertanian 2024

Walaupun Selangor mengalami pembangunan pesat namun penanaman getah masih lagi diusahakan khususnya di kawasan luar bandar. Pada tahun 2023, Selangor mencatatkan hanya 4,289 pengusaha getah menjadikannya negeri kelima terendah di Malaysia selepas Melaka dan Perlis. Statistik ini adalah jauh lebih rendah berbanding negeri pengeluar utama seperti Sabah (81,250 pengusaha), Kelantan (58,564 pengusaha) dan Kedah (58,344 pengusaha).

Carta A1: Pegangan Pertanian bagi Tanaman Getah mengikut Negeri, 2023



Carta A2: Pegangan Pertanian bagi Tanaman Getah mengikut Daerah Pentadbiran, Selangor 2023



Sumber: Laporan Interim Banci Pertanian2024

Paparan A1: Parameter Utama bagi Tanaman Getah, Selangor, 2023



Berdasarkan dapatan Banci Pertanian 2024, pegangan pertanian di Selangor tertumpu di beberapa kawasan terpilih seperti Hulu Selangor (1,450 pengusaha), Hulu Langat (1,011 pengusaha) dan Petaling (508 pengusaha).

Hulu Selangor mendominasi penanaman getah dengan luas kawasan bertanam sebanyak 4,162.78 hektar, iaitu hampir 73.7 peratus daripada keseluruhan kawasan bertanam di negeri ini. Daerah ini turut mencatatkan pengeluaran dan jualan tertinggi iaitu sebanyak 3,161.74 tan metrik dan nilai jualan berjumlah RM20.72 juta. (DOSM, Laporan Interim Banci Pertanian 2024 Getah)

Selain itu, daerah Hulu Langat dan Klang turut mencatatkan sumbangan yang signifikan dalam industri ini dengan nilai jualan masing-masing sebanyak RM1.75 juta dan RM2.68 juta. Sebaliknya, daerah Petaling, Sabak Bernam dan Kuala Langat menunjukkan penglibatan yang lebih kecil dengan keluasan kawasan bertanam yang tidak melebihi 50 hektar.

Jadual A1: Kuantiti Pengeluaran, Kuantiti Jualan dan Nilai Jualan mengikut Daerah Pentadbiran, Selangor, 2023

Daerah pentadbiran	Luas Bertanam	Kuantiti Pengeluaran (Tan metrik)	Kuantiti jualan (Tan metrik)	Nilai jualan (RM '000)
Gombak	124.97	85.47	85.47	637.18
Klang	348.23	277.08	277.08	2,684.45
Kuala Langat	49.28	21.39	21.39	103.87
Kuala Selangor	59.84	40.44	40.44	231.39
Petaling	28.95	21.37	21.37	112.17
Sabak Bernam	3.96	2.91	2.91	25.17
Sepang	172.02	96.35	96.35	562.77
Ulu Langat	696.07	342.43	342.43	1,751.36
Ulu Selangor	4,162.78	3,161.74	3,161.74	20,723.65

Sumber: Laporan Interim Banci Pertanian2024

3.0 Cabaran Penanaman Getah di Selangor

Pengeluaran getah negara khususnya di Selangor berdepan pelbagai cabaran dan halangan yang boleh menjelaskan kelestariannya. Cabaran utama adalah seperti berikut:

- Selaras dengan Rancangan Fizikal Negeri dan desakan pembangunan, terdapat kebun getah di kawasan pinggir bandar yang telah ditukar status guna tanahnya kepada kawasan kediaman, pembangunan bandar pintar dan komersial. Peralihan guna tanah tersebut adalah di kawasan berpotensi seperti Hulu Langat, Sepang, Klang, Petaling dan Gombak yang semakin pesat membangun sebagai kawasan perbandaran.
- Tanaman getah yang memerlukan masa panjang untuk matang dan pulangan yang tidak menentu menjadikannya kurang berdaya saing berbanding sektor harta tanah dan perindustrian. Kini kawasan kebun getah di pinggir bandar seperti Rawang, Kajang, Semenyih dan Bangi telah dibangunkan menjadi kawasan perumahan bertingkat, perbandaran baharu dan komersial.
- Industri getah turut berdepan dengan cabaran turun naik harga pasaran dunia. Harga lateks dan getah buku sangat bergantung kepada permintaan global terutamanya dari industri automotif dan perkilangan. Ketidakstabilan harga menyebabkan banyak pekebun kecil tidak lagi melihat tanaman getah sebagai sumber pendapatan yang mampan, lalu mengambil keputusan untuk menukar tanaman atau menjual tanah kepada pemaju harta tanah.
- Kebanyakan penoreh getah ialah golongan berumur. Generasi muda tidak berminat mewarisi kebun getah kerana kerja menoreh dianggap berat, kurang moden dan hasil tidak lumayan. Tiada pengganti menyebabkan banyak kebun tidak diusahakan.
- Terdapat juga pekebun yang mengambil langkah menukar tanaman getah kepada tanaman alternatif yang lebih menguntungkan atau lebih sesuai dengan keadaan pasaran semasa. Antara tanaman yang semakin mendapat tempat ialah durian dan tanaman kontan seperti jagung, nanas dan serai yang memberikan hasil yang lebih cepat.

4.0 Strategi Meningkatkan Pengeluaran Getah

Antara strategi yang dicadangkan adalah seperti berikut:

- Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA) pada tahun 2024 menyediakan peruntukan sebanyak RM10.27 juta bagi melaksanakan operasi pembangunan pekebun kecil getah di Selangor. Pembangunan tersebut meliputi enam teras tutama merangkumi program penanaman getah, pembangunan hasil baharu, pengeluaran hasil termasuk hasil skrap dan lateks, rawatan dan pencegahan penyakit serta bantuan musim tengkujuh. (SINAR, 2024)
- RISDA Selangor mengambil langkah proaktif dalam merancakkan pengeluaran getah di negeri ini dengan mengaktifkan kembali 34 hektar kebun getah yang memanfaatkan seramai 28 pekebun kecil dengan melibatkan peruntukan sebanyak RM86,000. Ia merupakan inisiatif semasa RISDA dalam meningkatkan produktiviti getah di seluruh negara melalui Program Pemulihan Getah Terbiar (PGT) selaras dengan trend positif pasaran dalam memberikan pendapatan yang lebih baik kepada pekebun kecil.
- Lembaga Getah Malaysia (LGM) memantau pengeluaran bahan tanaman getah oleh pengusaha bagi memastikan bekalan mencukupi untuk program tanam semula dan tanam baharu. Inisiatif ini menyokong sasaran Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA) tanaman getah.
- Menyediakan latihan teknikal, prasarana ladang, peningkatan ekonomi melalui keusahawanan dan agromakanan, pembangunan modal insan dan amalan pertanian baik (GAP) kepada pengusaha dan pekebun kecil di Selangor.
- Bagi individu yang mempunyai kebun yang kini tidak diusahakan, boleh menghubungi atau berkunjung ke Pejabat RISDA berhampiran untuk mendapatkan maklumat terkini yang lengkap untuk memastikan kebun mereka kembali menjana sumber pendapatan.
- Individu yang memiliki tanah terbiar dan tidak tahu untuk mengusahakannya turut dialu-alukan untuk menghubungi RISDA untuk mengetahui cara menjadi sebahagian daripada komuniti pekebun kecil melalui Program Tanam Semula Getah.
- Menyokong rantaian nilai industri getah di Selangor melalui jaminan bekalan bahan mentah dan pemerkasaan industri hiliran tempatan.

5.0 Kesimpulan

Tanaman getah di Selangor menunjukkan prestasi yang semakin menyusut dari segi keluasan dan pengeluaran, sejajar dengan perubahan guna tanah serta tumpuan ekonomi negeri ke arah perindustrian, perkhidmatan dan pembangunan bandar. Namun demikian, industri ini masih memberikan sumbangan kepada ekonomi luar bandar dan warisan pertanian negeri. Justeru, pemuliharaan kawasan pertanian serta sokongan berterusan kepada pekebun kecil adalah penting bagi memastikan kelestarian sektor ini dalam landskap ekonomi Selangor.

6.0 Penafian

Pandangan yang dikemukakan adalah pandangan penulis dan tidak semestinya mewakili pandangan DOSM.

7.0 Rujukan

1. DOSM. (2024). Keluaran Dalam Negeri Kasar. Jabatan Perangkaan Malaysia.
2. DOSM. (2025). Laporan Interim Banci Pertanian 2024 Getah. Jabatan Perangkaan Malaysia.
3. Majlis Getah, M. (2024). *Majlis Getah Malaysia*. Retrieved from https://www.myrubbercouncil.com/bm/industry/malaysia_production.php
4. LEMBAGA GETAH, M. (2024). Lembaga Getah Malaysia. Retrieved from Malaysia, M. G. <https://www.lgm.gov.my/webv2/pdfViewer/nrStatistic>
5. (n.d.). Retrieved from https://www.myrubbercouncil.com/bm/industry/malaysia_production.php
6. SINAR, H. (2024, OKT 11). SINAR HARIAN. Retrieved from <https://www.sinarharian.com.my/article/690356/berita/nasional/rm1027-juta-perkasakan-pekebun-kecil-getah-Selangor>

Buah Naga Selangor : Permata Merah dari Sepang dan Kuala Langat*Nurul Amira binti Adnan***1.0 Pendahuluan**

Buah naga, atau nama saintifiknya *Hylocereus spp.*, merupakan sejenis tanaman tropika yang semakin mendapat tempat dalam kalangan pengguna tempatan mahupun antarabangsa. Buah ini yang warna kulitnya merah, mempunyai isi yang lembut serta manis bukan sahaja menarik dari segi rupa malah ianya kaya dengan khasiat seperti vitamin C, serat dan antioksidan. Di Malaysia, Selangor merupakan antara negeri pengeluar utama buah naga khususnya di daerah Sepang dan Kuala Langat yang kini menjadi tumpuan penanaman komersial berskala kecil dan sederhana.

Daerah Sepang dikenali sebagai daerah perintis yang Berjaya dalam penanaman buah naga. Pertumbuhan industri buah naga ini mula berkembang dengan lebih pesat apabila pihak kerajaan negeri dan agensi-agensi pertanian mula memberi perhatian kepada potensi ekonomi buah ini. Bantuan dalam bentuk latihan, subsidi input pertanian, penyediaan infrastruktur ladang serta promosi pasaran mula disalurkan kepada pengusaha.

Pada masa yang sama, beberapa pertubuhan peladang dan koperasi turut mengambil bahagian dalam usaha komersialisasi buah naga, menjadikan pengeluaran lebih tersusun dan berdaya saing. Usaha-usaha ini membawa kepada peningkatan keluasan ladang dan jumlah pengeluaran, sekaligus menjadikan Selangor antara negeri utama pengeluar buah naga di Malaysia. Kini, penanaman buah naga bukan sahaja menjana pendapatan kepada petani tetapi juga menyumbang kepada ekonomi agropelancongan melalui lawatan ladang dan jualan hasil segar secara langsung kepada pengguna.

2.0 Penemuan Banci Pertanian 2024

Sepang mencatatkan bilangan pegangan pertanian tertinggi dengan 93 individu dan 11 pertubuhan menjadikan jumlah keseluruhan sebanyak 104 penyertaan diikuti dengan Kuala Langat sebanyak 14 pegangan pertanian (3 individu, 11 pertubuhan). Daerah-daerah lain mencatatkan bilangan pengusaha kurang dari tiga dan Kuala Selangor mencatatkan sifar penyertaan.

Jadual A2: Pegangan Pertanian bagi Tanaman Buah Naga mengikut Daerah Pentadbiran, Selangor, 2023

Daerah pentadbiran	Pegangan pertanian		
	Individu	Pertubuhan	Jumlah
Sepang	93	11	104
Kuala Langat	3	11	14
Huu Selangor	0	*	*
Klang	1	*	*
Hulu Langat	0	*	*
Sabak Bernam	1	0	1
Petaling	0	*	*
Gombak	0	*	*
Kuala Selangor	0	0	0

Nota:

* Kurang daripada 3

Jadual A3 : Luas bertanam dan Luas Bertuai mengikut Daerah Pentadbiran bagi Tanaman Buah Naga, Selangor, 2023

Daerah Pentadbiran	Luas bertanam (ha)	Luas bertuai (ha)
Sepang	238.0	238.0
Kuala Langat	38.2	36.8
Hulu Selangor	12.0	12.0
Klang	5.3	5.3
Hulu Langat	4.1	4.1
Sabak Bernam	1.1	1.1
Petaling	0.0	0.0
Gombak	0.0	0.0
Kuala Selangor	-	-

Daerah Sepang mencatatkan keluasan bertanam dan keluasan bertuai yang sama iaitu seluas 238.0 hektar. Daerah Kuala Langat memiliki keluasan bertanam seluas 38.2 hektar manakala keluasan bertuai sebanyak 36.8 hektar. Daerah lain masing-masing mencatatkan keluasan kurang daripada 15 hektar, manakala tidak terdapat tanaman buah naga di Kuala Selangor.

3.0 Cabaran dalam Industri Buah Naga

Industri penanaman buah naga berdepan beberapa cabaran utama, termasuk kekurangan tenaga kerja, keterbatasan kawasan tanah untuk penanaman, serta kemerosotan pasaran yang memberi kesan kepada kelangsungan pengeluaran. Serangan penyakit kulat dan perosak juga dapat menjelaskan keseluruhan hasil tanaman. Selain itu, ketidakstabilan harga pasaran serta kos input pertanian yang semakin meningkat turut memberi tekanan kepada pengusaha, terutamanya mereka yang masih baru dalam industri. Terdapat juga keperluan untuk meningkatkan penjenamaan dan pasaran bagi membezakan produk tempatan dengan buah naga import. Pelbagai cara diambil bagi mengatasi masalah ini antaranya mengekalkan kualiti, menurunkan harga bagi menyesuaikan dengan kemampuan pengguna serta meningkatkan promosi dalam media sosial terutamanya. (Agrimag, 2023)

4.0 Kesimpulan

Secara keseluruhan, buah naga telah membuka lembaran baru dalam sektor pertanian di negeri Selangor. Usaha gigih pengusaha tempatan disokong oleh dasar kerajaan negeri dan permintaan pengguna menjadikan buah ini satu aset berharga yang perlu dikejalkan. Dengan penyelidikan berterusan, penerapan teknologi dan pemasaran yang lebih agresif, buah naga berpotensi menjadi ikon pertanian moden negeri Selangor.

5.0 Penafian

Pandangan yang dikemukakan adalah pandangan penulis dan tidak semestinya mewakili pandangan DOSM.

6.0 Rujukan

1. Majalah Agrimag. (2023). *Tanaman buah naga lebih cabar selepas wabak*. Agrimag Malaysia.<https://agrimag.my/en/article-details/tanaman-buah-naga-lebih-cabar-selepas-wabak>
2. Harian Metro. (2021, Oktober 28). *Dari ladang ke meja makan*. Harian Metro. <https://www.hmetro.com.my/utama/2021/10/771154/dari-ladang-ke-meja-makan>
3. Farah Ayuni. (2024, Januari 21). *Muzium Buah Naga Gergasi Ikon Pelancongan Sepang*. Majoriti.<https://majoriti.com.my/relaks/2024/01/21/muzium-buah-naga-gergasi-ikon-pelancongan-sepang>

Nanas Selangor: Sumber Kekayaan Baharu Negara

Kalana bin Macha, Barshah bin Abu Bakar

1.0 Pengenalan

Ananas comosus atau lebih dikenali sebagai nanas mula diperkenalkan di Tanah Melayu oleh orang Eropah pada tahun 1888 melalui perantaraan Singapura. Selaras dengan perkembangan industri getah pada awal tahun 1920, nanas ditanam sebagai tanaman selingan untuk mengoptimumkan penggunaan tanah. Berdasarkan rekod sehingga tahun 1921, keluasan tanaman nanas di Selangor adalah yang kedua tertinggi iaitu 4,000 ekar manakala Johor telah mencapai 16,000 ekar dan Singapura seluas 2,000 ekar.

Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) melalui Dasar Agromakanan Negara 2021-2030 memfokuskan kepada usaha meningkatkan produktiviti tanaman khususnya nanas. Antara pendekatan yang diambil termasuk memperkenalkan teknologi pertanian moden, menggalakkan amalan pertanian mampan di kalangan petani dan melonjakkan pertumbuhan tanaman buah-buahan dan sayur-sayuran bernilai tinggi. Nanas turut dinobatkan sebagai salah satu “Sumber Kekayaan Baharu Negara”, selain daripada tanaman kelapa dan jagung bijirin.


Tanaman Nanas di Selangor secara relatifnya kecil berbanding negeri pengeluar nanas utama seperti Johor, Sarawak dan Pahang. Walaupun demikian, industri nanas di Selangor mempunyai potensi untuk dikembangkan. Pada tahun 2013, Jabatan Pertanian Malaysia telah mendaftarkan Nanas Yankee atau lebih dikenali sebagai *Sweet Selangor Pineapple* dalam Senarai Varieti Tanaman Kebangsaan dengan nombor kod AC6. Nanas Yankee telah lama ditanam di Selangor terutamanya di sekitar daerah Klang, Kuala Langat dan Sepang.

2.0 Keluasan Dan Pengeluaran Nanas Tahun 2023

Berdasarkan dapatan Banci Pertanian 2024, terdapat 185 orang pengusaha nanas di Negeri Selangor dengan keluasan bertanam seluas 556.58 hektar di seluruh Selangor. Kuala Langat mencatatkan keluasan bertanam nanas tertinggi dengan 191 hektar (34.4 peratus) diikuti oleh Gombak dengan keluasan 83 hektar (15%) dan Hulu Langat dengan keluasan 77 hektar (9.9%). Daerah-daerah lain menyumbang kurang daripada 9 peratus daripada keluasan bertanam di seluruh Selangor. Seluas 407.83 hektar tanaman nanas dituai pada 2023. Kuala Langat menyumbang 33.7 peratus (137 hektar) kawasan tuaian nanas diikuti oleh Gombak sebanyak 15.2 peratus (62 hektar) dan Hulu Langat sebanyak 13.3 peratus (54 hektar). Daerah lain menyumbang 37.8 peratus kawasan tuaian nanas di Selangor.

Hasil tuaian nanas pada 2023 adalah sebanyak 18,021.53 tan metrik. Tiga daerah utama pengeluar nanas di Selangor adalah Kuala Langat (36.5%) diikuti Gombak (15.1%) dan Hulu Langat (12.7%). Daerah-daerah lain masing-masing menyumbang kurang daripada 10 peratus daripada pengeluaran nanas di Selangor. Sebanyak 97.8 peratus daripada nanas yang dituai dijual pada 2023. Kuala Langat mencatatkan jualan nanas tertinggi iaitu 6,467 tan metrik dengan nilai jualan RM18.99 juta diikuti Gombak dengan 2,620 tan metrik (RM 7.5 juta) dan Hulu Langat dengan 2,223 tan metrik (RM6.3 juta). Daerah-daerah lain menyumbang 6,321 tan metrik jualan nanas dengan nilai RM 18.3 juta.

Carta A3: Keluasan Bertanam dan Tuaian Tanaman Nanas mengikut Daerah Pentadbiran, Selangor 2023



3.0 Cabaran Industri Nanas Di Selangor

Cabarannya dalam penanaman nanas di Selangor adalah kekurangan tanah persendirian atau penyewaan tanah yang terhad untuk projek nanas. Kekurangan tanah boleh menjelaskan kesinambungan projek jangka panjang. Penggunaan tanah berstatus pertanian pula bersaing dengan tanaman komoditi lain seperti kelapa sawit, getah, dan lain-lain untuk mendapatkan tanah. Masalah ini dapat dikurangkan dengan adanya kerjasama antara agensi pertanian dan Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan (JKPTG) dalam mengenalpasti tanah terbiar. Pengusaha boleh menyewa tanah terbiar yang telah dikenal pasti.

Antara cabaran lain tanaman nanas di Selangor adalah penyakit. Antaranya, Penyakit Reput Pangkal, Penyakit Buah *Collapse*, Penyakit Mata dan Penyakit Reput Teras yang boleh menyebabkan pengeluaran dan kualiti buah yang dituai merosot. Tanaman nanas turut berhadapan dengan masalah serangga perosak seperti Koya (*Dysmicoccus*

Brevipes), Teritip (*Diaspis Bromeliae*), dan Hama Merah (*Stigmacus Floridanus*). Serangan Koya (*Dysmicoccus Brevipes*) akan merosakkan daun, akar, dan buah nanas menyebabkan daun bertukar merah bermula dari hujung daun dan akhirnya menyebabkan pokok layu. Teritip akan memakan daun, buah, dan batang. Lazimnya tompok-tompok kloronik terbentuk di daun akibat serangan teritip. Kawalan penyakit dan serangga ini boleh diatasi dengan penggunaan racun serangga dan sistem pengurusan ladang yang sistematik. Penggunaan racun serangga seperti malathion, minyak putih, dicofal atau amitraz dan hexythiazox boleh menyebabkan kos operasi meningkat.

4.0 Potensi Tanaman Nanas Di Selangor

Tanaman nanas tidak memerlukan kawasan yang luas seperti tanaman komoditi yang lain. Tempoh pengeluaran hasil juga boleh dirancang dengan penggunaan hormon. Ini membolehkan pengusaha nanas membuat perancangan pengeluaran hasil untuk mengelak lambakan hasil nanas, sekaligus memastikan harga jualan kekal stabil.

Di Selangor, Projek Rintis Pengukuhan Inovasi Nasional Keterjaminan Agromakanan Rakyat (PINTAR) Tanaman Nanas telah dilaksanakan di Parlimen Kota Raja, Klang. Antara objektif PINTAR adalah seperti meningkatkan hasil dan kualiti nanas dengan menggunakan kaedah penanaman terkini dan varieti nanas yang berkualiti tinggi seperti MD2, Yankee, dan SG1, memperkuuh keterjaminan makanan (memastikan bekalan nanas mencukupi untuk memenuhi permintaan domestik dan mengurangkan kebergantungan kepada import, meningkatkan pendapatan petani (memberikan sokongan teknologi dan bimbingan kepada petani untuk meningkatkan produktiviti dan pendapatan), membangunkan inovasi dalam sektor nanas (meneroka dan memperkenalkan teknologi baru dalam penanaman, pemprosesan, dan pemasaran nanas) dan menjadikan Malaysia sebagai hab nanas serantau dengan meningkatkan daya saing produk nanas Malaysia di pasaran global.

Selain daripada jualan nanas segar, buah nanas turut berpotensi untuk dijadikan produk industri asas tani. Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia (LPNM) telah memberi bantuan dari segi khidmat nasihat dan insentif bagi memastikan produk agronanas sama ada makanan atau bukan makanan dapat dikomersialkan dan dipasarkan setanding dengan produk-produk yang telah berada dipasaran menerusi Insentif Pembangunan Usahawan Inovasi Dan Pengkomersialan Produk. Antara produk yang telah dibangunkan di Selangor adalah seperti Nanas Bersirap dalam *Pouch*, Produk Baru *Energy Drink*, Susu Nanas, Teh Tarik Nanas dan Nasi Goreng Nanas melalui Kaedah Retort.

5.0 Kesimpulan

Tanaman Nanas di Selangor secara relatif adalah kecil berbanding Johor, Sarawak dan Pahang. Bagaimanapun, ia mempunyai potensi untuk dikembangkan. Sesuai dengan slogan “ Sekali tanam, tiga kali tuai”, tanaman ini mampu memberikan pulangan yang lumayan kepada pengusaha nanas. Banyak produk hiliran boleh dikeluarkan daripada nanas seperti tart nanas, jem nanas dan jus nanas.

Dengan status perbandaran yang tinggi di Selangor, penggunaan tanah untuk tanaman nanas sudah pasti menjadi salah satu cabaran utama. Kawasan pertanian yang semakin mengecil turut menjadikan persaingan guna tanah pertanian semakin hebat. Pengusaha pertanian perlu memilih tanaman yang mampu memberikan hasil optimum dengan penggunaan tanah yang minimum. Penanaman nanas yang tidak memerlukan kawasan yang luas serta boleh ditanam sebagai tanaman campuran sudah pasti menjadi satu pilihan yang menarik.

Pelbagai usaha telah dilaksanakan oleh LPNM selaku agensi yang berperanan penting dalam mengawal selia dan memajukan industri nanas di Malaysia. Bagi memastikan program-program ini berjaya, data yang bertepatan masa perlulah tersedia dan sentiasa dikemaskini.


6.0 Penafian

Pandangan yang dinyatakan dalam artikel ini adalah pandangan kumpulan dan tidak mewakili pandangan DOSM.

7.0 Rujukan


1. Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia. (2020). Laporan Tahunan 2020. LPNM.
2. Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia. (2022). Laporan Tahunan 2022. LPNM.
3. Jabatan Pertanian Malaysia. (2024). Booklet Statistik Tanaman 2024. Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan.
4. Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan. (2024). Dasar Agromakanan Negara 2021–2023 (DAN 2.0). KPKM.
5. Anizah, M. A. (2021). Industri nanas: peranan dan cabaran dalam penjanaan ekonomi Malaysia. *Journal of Economics and Sustainability*, 3(2), 1–15.

JADUAL STATISTIK



Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong

JADUAL STATISTIK



Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong

Jadual 1.0: Pegangan Pertanian mengikut Negeri, Malaysia, 2023

Table 1.0: Agriculture Holding by State, Malaysia, 2023

Negeri State	Individu Individual		Pertubuhan Establishment		Pegangan Pertanian Agriculture Holding	
	Bilangan Number	Peratus (%) Percentage (%)	Bilangan Number	Peratus (%) Percentage (%)	Bilangan Number	Peratus (%) Percentage (%)
Malaysia	1,008,829	97.94	21,191	2.06	1,030,020	100.0
Johor	102,460	96.63	3,578	3.37	106,038	100.0
Kedah	123,194	99.01	1,237	0.99	124,431	100.0
Kelantan	87,203	99.50	442	0.50	87,645	100.0
Melaka	13,022	94.20	802	5.80	13,824	100.0
Negeri Sembilan	44,082	97.03	1,347	2.97	45,429	100.0
Pahang	87,482	97.18	2,543	2.82	90,025	100.0
Pulau Pinang	15,491	93.07	1,154	6.93	16,645	100.0
Perak	104,878	97.58	2,596	2.42	107,474	100.0
Perlis	18,839	99.31	131	0.69	18,970	100.0
Selangor	35,474	95.57	1,643	4.43	37,117	100.0
Terengganu	72,367	99.06	684	0.94	73,051	100.0
Sabah	156,635	98.35	2,624	1.65	159,259	100.0
Sarawak	145,378	98.62	2,036	1.38	147,414	100.0
W.P. Kuala Lumpur	1,426	81.21	330	18.79	1,756	100.0
W.P. Labuan	732	95.56	34	4.44	766	100.0
W.P. Putrajaya	166	94.32	10	5.68	176	100.0

Sumber: Banci Pertanian 2024
Source: Agriculture Census 2024

*** Nota:**

1. Analisa pada 28 Mei 2025
2. Negeri merujuk lokasi pegangan pertanian

*** Notes:**

1. Analysis as at 28 May 2025
2. State refer to the location where the agricultural holder reside

Jadual 1.1: Pegangan Pertanian mengikut Daerah Pentadbiran, Selangor, 2023

Table 1.1: Agriculture Holding by Administrative District, Selangor, 2023

Daerah Pentadbiran Administrative District	Individu Individual		Pertubuhan Establishment		Pegangan Pertanian Agriculture Holding	
	Bilangan Number	Peratus (%) Percentage (%)	Bilangan Number	Peratus (%) Percentage (%)	Bilangan Number	Peratus (%) Percentage (%)
Selangor	35,474	95.57	1,643	4.43	37,117	100.0
Gombak	1,415	85.65	237	14.35	1,652	100.0
Klang	3,028	93.00	228	7.00	3,256	100.0
Kuala Langat	5,471	95.76	242	4.24	5,713	100.0
Kuala Selangor	7,107	98.04	142	1.96	7,249	100.0
Petaling	1,613	85.80	267	14.20	1,880	100.0
Sabak Bernam	9,197	98.94	99	1.06	9,296	100.0
Sepang	2,564	95.28	127	4.72	2,691	100.0
Hulu Langat	2,412	94.63	137	5.37	2,549	100.0
Hulu Selangor	2,667	94.21	164	5.79	2,831	100.0

Sumber: Banci Pertanian 2024

Source: Agriculture Census 2024

*** Nota:**

1. Analisa pada 28 Mei 2025
2. Negeri dan daerah pentadbiran merujuk lokasi pegangan pertanian

*** Notes:**

1. Analysis as at 28 May 2025
2. State and administrative district refer to the location where the agricultural holder reside

Jadual 2.0: Pegangan Pertanian mengikut Subsektor, Malaysia, 2023

Table 2.0: Agriculture Holding by Subsector, Malaysia, 2023

Subsektor Subsector		Individu Individual		Pertubuhan Establishment		Pegangan Pertanian Agriculture Holding	
		Bilangan Number	Peratus (%) Percentage (%)	Bilangan Number	Peratus (%) Percentage (%)	Bilangan Number	Peratus (%) Percentage (%)
Tanaman Crops	Kelapa Sawit Oil Palm	236,241	96.01	9,806	3.99	246,047	100.00
	Padi Paddy	125,976	99.87	170	0.13	126,146	100.00
	Getah Rubber	387,124	99.92	309	0.08	387,433	100.00
	Nanas Pineapple	7,752	96.18	308	3.82	8,060	100.00
	Kenaf Kenaf	862	99.54	4	0.46	866	100.00
	Lada Pepper	32,191	99.97	10	0.03	32,201	100.00
	Koko Cocoa	4,147	99.62	16	0.38	4,163	100.00
	Buah-Buahan Fruits	87,731	97.36	2,375	2.64	90,106	100.00
	Sayur-Sayuran Vegetables	44,422	94.35	2,658	5.65	47,080	100.00
Ternakan Livestocks	Tanaman Lain Other Crops	38,801	96.65	1,344	3.35	40,145	100.00
		43,816	93.66	2,965	6.34	46,781	100.00
Perikanan Fisheries	Perikanan Tangkapan Captured Fisheries	48,267	99.18	399	0.82	48,666	100.00
	Akuakultur Aquaculture	8,407	81.79	1,872	18.21	10,279	100.00
Perhutanan & Pembalakan Forestry & Logging		7,930	93.69	534	6.31	8,464	100.00

Sumber: Banci Pertanian 2024

Source: Agriculture Census 2024

*** Nota:**

- Analisa pada 28 Mei 2025
- Aktiviti perhutanan merujuk kepada lokasi tempat kediaman dan pertubuhan. Aktiviti pembalakan merujuk kepada lokasi pembalakan.
- Aktiviti pembalakan adalah termasuk pengeluaran kayu getah, kayu bakau/jaras/arang-arang dan kayu balak yang mana berbeza dengan laporan Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia, Jabatan Perhutanan Sabah dan Jabatan Hutan Sarawak yang hanya mengambil kira pengeluaran kayu balak sahaja.
- Aktiviti Perhutanan & Pembalakan dalam kawasan Hutan Simpanan Kekal (HSK) dan/atau luar kawasan HSK tidak tertakluk kepada definisi yang digunakan oleh Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia, Jabatan Perhutanan Sabah dan Jabatan Hutan Sarawak.

*** Notes:**

- Analysis as at 28 May 2025
- Forestry activities refer to the location where the agricultural holder reside and establishment. Logging activities refer to the location of logging.
- Logging activities include the production of rubber wood, mangrove/jaras/charcoal and logs, which is different from the reports of the Peninsular Malaysia Forestry Department, Sabah Forestry Department and Sarawak Forestry Department which only take into account the production of logs.
- Forestry & Logging Activities within Permanent Forest Reserve (PFR) areas and/or outside the PFR areas are not subject to the definitions used by the Forestry Department Peninsular Malaysia, Sabah Forestry Department and Sarawak Forestry Department.

Jadual 2.1: Pegangan Pertanian mengikut Subsektor, Selangor, 2023

Table 2.1: Agriculture Holding by Subsector, Selangor, 2023

Subsektor Subsector		Individu Individual		Pertubuhan Establishment		Pegangan Pertanian Agriculture Holding	
		Bilangan Number	Peratus (%) Percentage (%)	Bilangan Number	Peratus (%) Percentage (%)	Bilangan Number	Peratus (%) Percentage (%)
Tanaman Crops	Kelapa Sawit Oil Palm	15,861	96.71	540	3.29	16,401	100.00
	Padi Paddy	7,129	99.86	10	0.14	7,139	100.00
	Getah Rubber	4,280	99.79	9	0.21	4,289	100.00
	Nanas Pineapple	140	75.68	45	24.32	185	100.00
	Lada Pepper	3	100.00	-	-	3	100.00
	Koko Cocoa	42	97.67	**	2.33	43	100.00
	Buah-Buahan Fruits	1,847	87.99	252	12.01	2,099	100.00
	Sayur-Sayuran Vegetables	1,388	79.86	350	20.14	1,738	100.00
	Tanaman Lain Other Crops	1,900	91.79	170	8.21	2,070	100.00
Ternakan Livestocks		1,881	85.58	317	14.42	2,198	100.00
Perikanan Fisheries	Perikanan Tangkapan Captured Fisheries	2,365	99.62	9	0.38	2,374	100.00
	Akuakultur Aquaculture	192	52.46	174	47.54	366	100.00
Perhutanan & Pembalakan Forestry & Logging		450	99.78	**	0.22	451	100.00

Sumber: Banci Pertanian 2024
Source: Agriculture Census 2024

* Nota:

- Analisa pada 28 Mei 2025
- Aktiviti perhutanan merujuk kepada lokasi tempat kediaman dan pertubuhan. Aktiviti pembalakan merujuk kepada lokasi pembalakan.
- Aktiviti pembalakan adalah termasuk pengeluaran kayu getah, kayu bakau/jaras/arang-arang dan kayu balak yang mana berbeza dengan laporan Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia, Jabatan Perhutanan Sabah dan Jabatan Hutan Sarawak yang hanya mengambil kira pengeluaran kayu balak sahaja.
- Aktiviti Perhutanan & Pembalakan dalam kawasan Hutan Simpanan Kekal (HSK) dan/atau luar kawasan HSK tidak tertakluk kepada definisi yang digunakan oleh Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia, Jabatan Perhutanan Sabah dan Jabatan Hutan Sarawak.

** Kurang dari 3

* Notes:

- Analysis as at 28 May 2025
- Forestry activities refer to the location where the agricultural holder reside and establishment. Logging activities refer to the location of logging.
- Logging activities include the production of rubber wood, mangrove/jaras/charcoal and logs, which is different from the reports of the Peninsular Malaysia Forestry Department, Sabah Forestry Department and Sarawak Forestry Department which only take into account the production of logs.
- Forestry & Logging Activities within Permanent Forest Reserve (PFR) areas and/or outside the PFR areas are not subject to the definitions used by the Forestry Department Peninsular Malaysia, Sabah Forestry Department and Sarawak Forestry Department.

** Less than 3

Jadual 2.2: Pegangan Pertanian Individu mengikut Subsektor dan Kewarganegaraan, Selangor, 2023

Table 2.2: Individual Agriculture Holding by Subsector and Citizenship, Selangor, 2023

Subsektor Subsector		Warganegara Malaysian		Bukan Warganegara Non Malaysian	
		Bilangan Number	Peratus (%) Percentage (%)	Bilangan Number	Peratus (%) Percentage (%)
Tanaman Crops	Kelapa Sawit Oil Palm	15,860	99.99	1	0.01
	Padi Paddy	7,128	99.99	1	0.01
	Getah Rubber	4,279	99.98	1	0.02
	Nanas Pineapple	140	100.00	-	-
	Lada Pepper	3	100.00	-	-
	Koko Cocoa	42	100.00	-	-
	Buah-Buahan Fruits	1,820	98.54	27	1.46
	Sayur-Sayuran Vegetables	1,318	94.96	70	5.04
Ternakan Livestocks	Tanaman Lain Other Crops	1,895	99.74	5	0.26
		1,880	99.95	1	0.05
Perikanan Fisheries	Perikanan Tangkapan Captured Fisheries	2,358	99.70	7	0.30
	Akuakultur Aquaculture	191	99.48	1	0.52
Perhutanan & Pembalakan Forestry & Logging		450	100.00	-	-

Sumber: Banci Pertanian 2024
Source: Agriculture Census 2024

* Nota:

- Analisa pada 28 Mei 2025
- Aktiviti perhutanan merujuk kepada lokasi tempat kediaman dan pertubuhan. Aktiviti pembalakan merujuk kepada lokasi pembalakan.
- Aktiviti pembalakan adalah termasuk pengeluaran kayu getah, kayu bakau/jaras/arang-arang dan kayu balak yang mana berbeza dengan laporan Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia, Jabatan Perhutanan Sabah dan Jabatan Hutan Sarawak yang hanya mengambil kira pengeluaran kayu balak sahaja.
- Aktiviti Perhutanan & Pembalakan dalam kawasan Hutan Simpanan Kekal (HSK) dan/atau luar kawasan HSK tidak tertakluk kepada definisi yang digunakan oleh Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia, Jabatan Perhutanan Sabah dan Jabatan Hutan Sarawak.

* Notes:

- Analysis as at 28 May 2025
- Forestry activities refer to the location where the agricultural holder reside and establishment. Logging activities refer to the location of logging.
- Logging activities include the production of rubber wood, mangrove/jaras/charcoal and logs, which is different from the reports of the Peninsular Malaysia Forestry Department, Sabah Forestry Department and Sarawak Forestry Department which only take into account the production of logs.
- Forestry & Logging Activities within Permanent Forest Reserve (PFR) areas and/or outside the PFR areas are not subject to the definitions used by the Forestry Department Peninsular Malaysia, Sabah Forestry Department and Sarawak Forestry Department.

Jadual 2.3: Pegangan Pertanian Individu mengikut Subsektor dan Jantina, Selangor, 2023

Table 2.3: Individual Agriculture Holding by Subsector and Sex, Selangor, 2023

Subsektor Subsector		Lelaki Male		Perempuan Female	
		Bilangan Number	Peratus (%) Percentage (%)	Bilangan Number	Peratus (%) Percentage (%)
